




eISSN 2716-6813

9 772716 681002

JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

SOROTAN STATISTIK EKONOMI MALAYSIA

SIRI 5 | 2022



JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

SOROTAN STATISTIK EKONOMI MALAYSIA

SIRI 5 | 2022

Pemakluman:

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang menjalankan Survei Pendapatan, Perbelanjaan Isi Rumah dan Kemudahan Asas (HIES/BA) 2022 bermula dari 1 Januari 2022 sehingga 31 Disember 2022 dan Survei Ekonomi Tahunan (AES) 2022 bermula dari 15 April 2022 sehingga 30 September 2022.

DOSM amat menghargai kerjasama daripada responden yang terpilih untuk memberikan maklumat kepada DOSM serta menjayakan survei ini.

Sila layari www.dosm.gov.my untuk maklumat lanjut.

Penerbitan statistik ekonomi dan sosial iaitu PocketStats yang mengandungi statistik suku tahunan dan tahunan boleh diperoleh dari portal DOSM atau melalui pautan

https://bit.ly/PocketStatsS1_2022.

Dimaklumkan bahawa Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun.

Tema sambutan MyStats Day adalah “*Connecting the world with data we can trust*”

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA

Diterbitkan dan dicetak oleh:

Jabatan Perangkaan Malaysia
Blok C6, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62514 Putrajaya,
MALAYSIA

Tel. : 03-8885 7000
Faks : 03-8888 9248
Portal : <https://www.dosm.gov.my>
Facebook : www.facebook.com/StatsMalaysia
Twitter : <http://twitter.com/StatsMalaysia>
Instagram : <http://instagram.com/StatsMalaysia>

Diterbitkan pada 27 Mei 2022.

Hakcipta terpelihara.

Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar dalam apa-apa bentuk atau alat apa jua pun kecuali setelah mendapat kebenaran daripada Jabatan Perangkaan Malaysia. Pengguna yang mengeluarkan sebarang maklumat dari terbitan ini sama ada yang asal atau diolah semula hendaklah meletakkan kenyataan berikut:

“Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia”.

eISSN 2716-6813

KANDUNGAN

02	TINTA KETUA PERANGKAWAN	
04	PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN	
08	SOROTAN PENTING	
10	BAROMETER EKONOMI	
11	PERSPEKTIF KESELURUHAN	
16	RENCANA	37
25	SNAPSHOT	44
26	PERTANIAN	
31	INDUSTRI DAN PEMBUATAN	50
34	PERKHIDMATAN	55
		58
		72
		73
		SEKTOR LUARAN
		SENARIO BURUH
		HARGA
		WAY FORWARD
		INDIKATOR EKONOMI
		AHLI MESR
		PENGHARGAAN

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) berbesar hati mengalu-alukan pembaca dan pengguna ke edisi kelima Sorotan Statistik Ekonomi Malaysia (MESR) pada tahun 2022. Penerbitan ini memaparkan senario ekonomi terkini berdasarkan statistik makroekonomi rasmi yang diterbitkan oleh DOSM. Edisi ini memfokuskan kepada prestasi ekonomi pada suku tahun pertama 2022 dengan sorotan mengenai statistik dan indikator terkini bagi bulan Mac 2022 serta beberapa statistik akan datang bagi bulan April 2022. Di samping itu, satu artikel khas bertajuk **“Adakah Import Daging Ternakan Mampu Menstabilkan Harga di Pasaran?”** dipaparkan dalam edisi kelima ini, yang mengkaji keberkesanan peningkatan bekalan daging ternakan di pasaran melalui import kepada harga daging ternakan.

Walaupun dunia selepas COVID-19 dilihat tidak mungkin kembali seperti sebelumnya, risiko krisis geopolitik yang berterusan, penutupan berterusan bandar di China berikutan dasar sifar COVID-19 di negara berkenaan, gangguan dalam rantaian bekalan, tekanan inflasi dan pengetatan dasar monetari telah menjasikan lagi usaha global ke arah pemulihran ekonomi. Di sebalik risiko ini, banyak negara sedang berusaha untuk meningkatkan ekonomi mereka, yang telah ditunjukkan melalui prestasi yang lebih baik pada suku tahun pertama 2022 berbanding suku tahun sebelumnya. Beberapa negara berkenaan adalah seperti European Union (EU) dan United Kingdom (UK) yang merekodkan pengembangan dalam Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) masing-masing sebanyak 5.2 peratus dan 8.7 peratus. KDNK bagi United States of America (USA) meningkat sederhana pada 3.6 peratus pada suku tahun pertama 2022. Bagi rantau Asia, KDNK bagi China dan Republic of Korea juga menunjukkan pertumbuhan ekonomi yang positif, masing-masing mencatatkan peningkatan sebanyak 4.8 peratus dan 3.1 peratus. Begitu juga, Philippines dan Thailand menunjukkan prestasi yang lebih baik pada suku tahun ini dengan pertumbuhan ekonomi masing-masing sebanyak 8.3 peratus dan 2.2 peratus.

KDNK Malaysia pada suku tahun pertama 2022 mencatatkan pertumbuhan yang lebih tinggi sebanyak 5.0 peratus berbanding 3.6 peratus pada suku tahun sebelumnya, berikutan peningkatan permintaan dalam dan luar negeri serta situasi pasaran buruh yang bertambah baik disokong oleh dasar kerajaan yang konsisten. Melihat kepada sektor luaran, Imbangan Akaun Semasa (CAB) kekal lebihan pada RM3.0 bilion meskipun lebih rendah daripada RM15.3 bilion pada suku tahun sebelumnya, disokong terutamanya oleh eksport bersih akaun Barang. Prestasi pelaburan juga bertambah baik dengan Pelaburan Langsung Asing (FDI) mencatatkan aliran masuk bersih yang lebih tinggi sebanyak RM24.4 bilion daripada RM18.5 bilion pada suku tahun sebelumnya manakala Pelaburan Langsung Malaysia di Luar Negeri (DIA) mencatat aliran keluar bersih yang lebih rendah iaitu RM3.6 bilion berbanding RM7.9 bilion pada suku tahun sebelumnya. Sementara itu, perdagangan Malaysia meneruskan prestasi kukuh dengan mencatatkan jumlah dagangan sebanyak RM624.9 bilion, melonjak 23.6 peratus daripada RM505.7 bilion pada suku tahun pertama 2021. Dari segi suku tahun ke suku tahun, import dan jumlah dagangan mencatatkan sedikit peningkatan masing-masing sebanyak 2.1 peratus dan 0.02 peratus, manakala eksport dan imbangannya perdagangan masing-masing menurun 1.6 peratus dan 14.6 peratus.

Pada masa yang sama, beberapa petunjuk ekonomi utama mencatatkan trajektori positif pada suku tahun pertama 2022 berbanding suku tahun yang sama tahun sebelumnya. Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP) meningkat sebanyak 4.5 peratus, disokong oleh peningkatan dalam indeks Pembuatan (6.3%) dan indeks Elektrik (3.7%). Sementara itu, nilai jualan sektor Pembuatan mencatatkan RM415.3 bilion, meningkat 12.8 peratus berbanding tempoh yang sama pada 2021. Sektor Perkhidmatan memulih semula kepada 10.4 peratus pada suku tahun pertama 2022 untuk mencatatkan jumlah hasil sebanyak RM473.0 bilion berbanding negatif 2.1 peratus pada suku tahun sebelumnya. Selaras dengan ini, indeks volum Perkhidmatan juga meningkat sebanyak 7.1 peratus kepada 132.3 mata.

Di samping itu, senario pasaran buruh Malaysia juga dilihat menggalakkan pada suku tahun pertama 2022 dengan bilangan pekerja meningkat 2.2 peratus kepada 15.57 juta orang. Sementara itu, jumlah pengangguran terus menurun kepada 671.2 ribu orang dengan kadar pengangguran merekodkan 4.1 peratus. Berkenaan permintaan buruh, selari dengan penyambungan semula lebih banyak aktiviti perniagaan dan sosial pada kapasiti penuh telah meningkatkan jumlah jawatan yang bertambah sebanyak 1.8 peratus.

Melangkah ke hadapan, peralihan ke fasa endemik sejak 1 April 2022 dijangka akan terus merangsang aktiviti ekonomi. Sementara itu, Indeks Pelopor (IP) pada Mac 2022 meningkat 0.4 peratus kepada 111.3 mata berbanding 110.9 mata pada bulan sebelumnya, menunjukkan prestasi ekonomi Malaysia yang lebih baik dan menggalakkan. Selain itu, Statistik Kecenderungan Perniagaan menunjukkan sentimen perniagaan kekal positif untuk suku tahun kedua 2022. Bagi enam bulan akan datang, sentimen peniaga juga optimistik terhadap prospek perniagaan mereka. Mengambil kira petunjuk ini, Malaysia optimis bahawa pemuliharan ekonomi akan terus berdaya tahan pada suku tahun ketiga 2022, walaupun menghadapi risiko luaran dan tekanan menurun.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang menjalankan Survei Pendapatan, Perbelanjaan Isi Rumah dan Kemudahan Asas (HIES/BA) 2022 bermula dari 1 Januari 2022 sehingga 31 Disember 2022 dan Survei Ekonomi Tahunan (AES) 2022 bermula dari 15 April 2022 sehingga 30 September 2022. DOSM amat menghargai kerjasama daripada responden yang terpilih untuk memberikan maklumat kepada DOSM serta menjayakan survei ini. Sila layari www.dosm.gov.my untuk maklumat lanjut.

Penerbitan statistik ekonomi dan sosial iaitu PocketStats yang mengandungi statistik suku tahunan dan tahunan boleh diperoleh dari portal DOSM atau melalui pautan https://bit.ly/PocketStatsS1_2022.


Terima kasih.


DATO' SRI DR. MOHD UZIR MAHIDIN

Mei 2022

PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN

**SOROTAN
STATISTIK**
EKONOMI MALAYSIA





PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN

**SOROTAN
STATISTIK**
EKONOMI MALAYSIA



Pengumuman
PKP oleh Menteri
Kanan Keselamatan

Pada 27 April 2021

- PKPP: 29 April - 17 Mei 2021**
Perlis, Kedah (kecuali daerah Kuala Muda), Perak,彭亨, Terengganu, WP Putrajaya, Negeri Sembilan (kecuali daerah Seremban), Melaka dan WP Labuan.
- PKPB: 29 April - 6 Mei 2021**
-Selangor
- PKPB: 29 April - 6 Mei 2021**
-WP Kuala Lumpur
- PKP: 29 April - 17 Mei 2021**
-Kelantan

Pada 4 Mei 2021

- PKPB: 6 - 17 Mei 2021**
daerah Sabak Bernam, Hulu Selangor and Kuala Selangor.
- PKP: 6 - 17 Mei 2021**
daerah Hulu Langat, Petaling, Gombak, Klang, Kuala Langat, dan Sepang.

Pada 5 Mei 2021

- PKP: 7 - 20 Mei 2021**
-WP Kuala Lumpur

Pada 26 April 2021



PKP 2021

Pada 12 April 2021

- Pengumuman
PKP oleh Menteri
Kanan Keselamatan**

- PKPP 15 - 28 April 2021**
Perlis, Kedah (kecuali daerah Kuala Muda), Perak,彭亨, Terengganu, WP Putrajaya, Negeri Sembilan (kecuali daerah Seremban), Melaka, Sabah (kecuali daerah Lahad Datu, Tawau dan Keningau) dan WP Labuan.
- PKPB 15 - 28 April 2021**
Kedah (daerah Kuala Muda), Pulau Pinang, Kelantan (daerah Gua Musang), Selangor, WP Kuala Lumpur, Negeri Sembilan (daerah Seremban) dan Johor.

Pada 13 April 2021

- PKP 15 - 28 April 2021**
Sabah (daerah Lahad Datu, Tawau dan Keningau).
- PKP 16 - 29 April 2021**
Kelantan (Jajahan Kota Bharu, Pasir Vas, Pasir Puteh, Bachok, Machang, Tumpat dan Tanah Merah).

Pada 11 April 2021



Pada 22 Mei 2021

Pada 28 Mei 2021




Pada 11 Jun 2021

- PKP 3.0 : 1-14 Jun 2021**
Penutupan penuh sektor sosial dan ekonomi atau 'total lockdown' Fasa Pertama di seluruh negara yang bermula 1 Jun 2021, disambung lagi selama 14 hari
- PKP 3.0 : 15-28 Jun 2021**
Penutupan penuh sektor sosial dan ekonomi atau 'total lockdown' Fasa Pertama di seluruh negara yang bermula 1 Jun 2021, disambung lagi selama 14 hari

Pada 10 Mei 2021

Pada 26 April 2021



Pada 27 April 2021

- PKP 3.0 : 12 Mei - 7 Jun 2021**
- Seluruh Negara
- PKP 27 - 17 Mei 2021**

Pada 4 Mei 2021



Pada 5 Mei 2021

- PKP 3.0 : 12 Mei - 7 Jun 2021**
- Seluruh Negara
- PKP 27 - 17 Mei 2021**

Pada 26 April 2021

Pada 5 Mei 2021



Pada 4 Mei 2021

- PKP 3.0 : 12 Mei - 7 Jun 2021**
- Seluruh Negara
- PKP 27 - 17 Mei 2021**

Pada 26 April 2021

Pada 5 Mei 2021



Pada 4 Mei 2021

- PKP 3.0 : 12 Mei - 7 Jun 2021**
- Seluruh Negara
- PKP 27 - 17 Mei 2021**

Pada 26 April 2021

Pada 5 Mei 2021



Pada 4 Mei 2021

- PKP 3.0 : 12 Mei - 7 Jun 2021**
- Seluruh Negara
- PKP 27 - 17 Mei 2021**

Pada 26 April 2021

Pada 5 Mei 2021



Pada 4 Mei 2021

- PKP 3.0 : 12 Mei - 7 Jun 2021**
- Seluruh Negara
- PKP 27 - 17 Mei 2021**

Pada 26 April 2021

Pada 5 Mei 2021



Pada 4 Mei 2021

- PKP 3.0 : 12 Mei - 7 Jun 2021**
- Seluruh Negara
- PKP 27 - 17 Mei 2021**

Pada 26 April 2021

Pada 5 Mei 2021



Pada 4 Mei 2021

- PKP 3.0 : 12 Mei - 7 Jun 2021**
- Seluruh Negara
- PKP 27 - 17 Mei 2021**

Pada 26 April 2021

Pada 5 Mei 2021



Pada 4 Mei 2021

- PKP 3.0 : 12 Mei - 7 Jun 2021**
- Seluruh Negara
- PKP 27 - 17 Mei 2021**

Pada 26 April 2021

Pada 5 Mei 2021



Pada 4 Mei 2021

- PKP 3.0 : 12 Mei - 7 Jun 2021**
- Seluruh Negara
- PKP 27 - 17 Mei 2021**

Pada 26 April 2021

Pada 5 Mei 2021



Pada 4 Mei 2021

- PKP 3.0 : 12 Mei - 7 Jun 2021**
- Seluruh Negara
- PKP 27 - 17 Mei 2021**

Pada 26 April 2021

Pada 5 Mei 2021



Pada 4 Mei 2021

- PKP 3.0 : 12 Mei - 7 Jun 2021**
- Seluruh Negara
- PKP 27 - 17 Mei 2021**

Pada 26 April 2021

Pada 5 Mei 2021



Pada 4 Mei 2021

- PKP 3.0 : 12 Mei - 7 Jun 2021**
- Seluruh Negara
- PKP 27 - 17 Mei 2021**

Pada 26 April 2021

Pada 5 Mei 2021



Pada 4 Mei 2021

- PKP 3.0 : 12 Mei - 7 Jun 2021**
- Seluruh Negara
- PKP 27 - 17 Mei 2021**

Pada 26 April 2021

Pada 5 Mei 2021



Pada 4 Mei 2021

- PKP 3.0 : 12 Mei - 7 Jun 2021**
- Seluruh Negara
- PKP 27 - 17 Mei 2021**

Pada 26 April 2021

Pada 5 Mei 2021



Pada 4 Mei 2021

- PKP 3.0 : 12 Mei - 7 Jun 2021**
- Seluruh Negara
- PKP 27 - 17 Mei 2021**

Pada 26 April 2021

Pada 5 Mei 2021



Pada 4 Mei 2021

- PKP 3.0 : 12 Mei - 7 Jun 2021**
- Seluruh Negara
- PKP 27 - 17 Mei 2021**

Pada 26 April 2021

Pada 5 Mei 2021



Pada 4 Mei 2021

- PKP 3.0 : 12 Mei - 7 Jun 2021**
- Seluruh Negara
- PKP 27 - 17 Mei 2021**

Pada 26 April 2021

Pada 5 Mei 2021



Pada 4 Mei 2021

- PKP 3.0 : 12 Mei - 7 Jun 2021**
- Seluruh Negara
- PKP 27 - 17 Mei 2021**

Pada 26 April 2021

Pada 5 Mei 2021



Pada 4 Mei 2021

- PKP 3.0 : 12 Mei - 7 Jun 2021**
- Seluruh Negara
- PKP 27 - 17 Mei 2021**

Pada 26 April 2021

Pada 5 Mei 2021



Pada 4 Mei 2021

- PKP 3.0 : 12 Mei - 7 Jun 2021**
- Seluruh Negara
- PKP 27 - 17 Mei 2021**

Pada 26 April 2021

Pada 5 Mei 2021



Pada 4 Mei 2021

- PKP 3.0 : 12 Mei - 7 Jun 2021**
- Seluruh Negara
- PKP 27 - 17 Mei 2021**

Pada 26 April 2021

Pada 5 Mei 2021



Pada 4 Mei 2021

- PKP 3.0 : 12 Mei - 7 Jun 2021**
- Seluruh Negara
- PKP 27 - 17 Mei 2021**

Pada 26 April 2021

Pada 5 Mei 2021



Pada 4 Mei 2021

- PKP 3.0 : 12 Mei - 7 Jun 2021**
- Seluruh Negara
- PKP 27 - 17 Mei 2021**

Pada 26 April 2021

Pada 5 Mei 2021



Pada 4 Mei 2021

- PKP 3.0 : 12 Mei - 7 Jun 2021**
- Seluruh Negara
- PKP 27 - 17 Mei 2021**

Pada 26 April 2021

Pada 5 Mei 2021



Pada 4 Mei 2021

- PKP 3.0 : 12 Mei - 7 Jun 2021**
- Seluruh Negara
- PKP 27 - 17 Mei 2021**

Pada 26 April 2021

Pada 5 Mei 2021



Pada 4 Mei 2021

- PKP 3.0 : 12 Mei - 7 Jun 2021**
- Seluruh Negara
- PKP 27 - 17 Mei 2021**

Pada 26 April 2021

Pada 5 Mei 2021



Pada 4 Mei 2021

- PKP 3.0 : 12 Mei - 7 Jun 2021**
- Seluruh Negara
- PKP 27 - 17 Mei 2021**

Pada 26 April 2021

Pada 5 Mei 2021



Pada 4 Mei 2021

- PKP 3.0 : 12 Mei - 7 Jun 2021**
- Seluruh Negara
- PKP 27 - 17 Mei 2021**

Pada 26 April 2021

Pada 5 Mei 2021



Pada 4 Mei 2021

- PKP 3.0 : 12 Mei - 7 Jun 2021**
- Seluruh Negara
- PKP 27 - 17 Mei 2021**

Pada 26 April 2021

Pada 5 Mei 2021



Pada 4 Mei 2021

- PKP 3.0 : 12 Mei - 7 Jun 2021**
- Seluruh Negara
- PKP 27 - 17 Mei 2021**

Pada 26 April 2021

Pada 5 Mei 2021



Pada 4 Mei 2021

- PKP 3.0 : 12 Mei - 7 Jun 2021**
- Seluruh Negara
- PKP 27 - 17 Mei 20**



SOROTAN PENTING


- Pada suku tahun pertama (ST1) 2022, Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) bagi kebanyakan negara merekodkan pertumbuhan yang lebih pantas berbanding suku tahun sebelumnya. Ekonomi European Union (EU) dan United Kingdom (UK) masing-masing berkembang 5.2 peratus dan 8.7 peratus, manakala ekonomi United States of America (USA) merekodkan pertumbuhan yang lebih perlahan iaitu 3.6 peratus pada suku tahun ini. China dan Republic of Korea mengekalkan pertumbuhan ekonomi yang positif dengan masing-masing meningkat 4.8 peratus dan 3.1 peratus. KDNK Malaysia menunjukkan trend yang serupa pada ST1 2022, terus berkembang kepada 5.0 peratus berbanding 3.6 peratus pada suku tahun sebelumnya.
- Pengeluaran getah asli menurun 22.3 peratus kepada 28,030 tan metrik pada Mac 2022 daripada 36,068 tan metrik pada bulan yang sama pada 2021. Secara bulanan, pengeluaran getah asli berkurang 2.7 peratus berbanding 28,817 tan metrik pada Februari 2022. Prestasi tahunan pengeluaran buah tandan segar turut menyusut 5.0 peratus kepada 7,375,776 tan metrik pada April 2022 berbanding bulan yang sama 2021 (7,766,202 tan metrik). Sementara itu, perbandingan bulan ke bulan menunjukkan sedikit peningkatan 0.02 peratus berbanding Mac 2021 (7,374,154 tan metrik).
- Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP) Malaysia meningkat 5.1 peratus berbanding bulan yang sama pada tahun sebelumnya. Pertumbuhan IPP disumbangkan oleh peningkatan dalam ketiga-tiga indeks, iaitu indeks Pembuatan (6.9%), indeks Elektrik (0.8%) dan indeks Perlombongan (0.3%). IPP bagi ST1 2022 meningkat 4.5 peratus berbanding tempoh yang sama tahun sebelumnya. Peningkatan ini disumbangkan oleh peningkatan dalam indeks Pembuatan (6.3%) dan indeks Elektrik (3.7%), manakala indeks Perlombongan menguncup 1.8 peratus.
- Sejajar dengan itu, sektor Pembuatan Malaysia merekodkan pertumbuhan dua angka 13.9 peratus dengan nilai jualan berjumlah RM144.6 bilion pada Mac 2022 berbanding bulan yang sama tahun sebelumnya. Peningkatan nilai jualan dipacu oleh Produk Elektrik & Elektronik (25.9%), Produk Makanan, Minuman & Tembakau (14.4%) dan Produk Petroleum, Kimia, Getah & Plastik (6.3%). Pada ST1 2022, nilai jualan sektor ini meningkat 12.8 peratus (ST4 2021: 16.5%) kepada RM415.3 bilion berbanding tempoh yang sama pada 2021.
- Sektor Perkhidmatan menunjukkan prestasi positif pada ST1 2022, memulih daripada penurunan 2.1 peratus pada ST1 2021 kepada 10.4 peratus dengan hasil berjumlah RM473.0 bilion. Begitu juga, indeks volum Perkhidmatan turut meningkat 7.1 peratus kepada 132.3 mata pada ST1 2022.
- Meninjau kepada harga, inflasi negara meningkat 2.2 peratus kepada 125.6 pada Mac 2022, berbanding 122.9 pada bulan yang sama tahun sebelumnya. Peningkatan ini juga melebihi purata inflasi bagi tempoh Januari 2011 hingga Mac 2022 (1.9%). Peningkatan inflasi ini telah didorong terutamanya oleh kenaikan dalam kumpulan Makanan & Minuman Bukan Alkohol (4.0%) berbanding bulan yang sama tahun sebelumnya. Ini diikuti oleh Hiasan, Perkakasan & Penyelenggaraan Isi Rumah yang meningkat 3.0 peratus, Restoran & Hotel (2.9%); Pengangkutan (2.6%), Pelbagai Barang & Perkhidmatan (1.9%), Perkhidmatan Rekreasi & Kebudayaan (1.1%), Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan Api lain (0.9%), Pendidikan (0.9%), Minuman Alkohol & Tembakau (0.5%) dan Kesihatan (0.2%). Sementara itu, IHP bagi ST1 2022 meningkat 2.2 peratus kepada 125.2 berbanding 122.5 pada suku tahun yang sama tahun sebelumnya. Prestasi ST1 2022 terus dipengaruhi oleh penetapan harga siling Petrol Tanpa Plumbum RON95 dan Diesel serta peningkatan harga ayam yang melepassi harga purata 2021.
- Sementara itu, Indeks Harga Pengeluar (IHPR) pengeluaran tempatan pada Mac 2022 meningkat dua angka buat pertama kalinya pada tahun ini, meningkat 11.6 peratus tahun ke tahun berbanding 9.7 peratus pada Februari 2022. Pada ST1 2022, IHPR pengeluaran tempatan meningkat 10.2 peratus tahun ke tahun (ST4 2021: 11.9%). Peningkatan ini dipacu oleh indeks Perlombongan (28.3%), Pertanian, perhutanan dan perikanan (18.4%), Pembuatan (8.0%), Bekalan air (1.4%) dan Bekalan elektrik & gas (0.6%).
- Dari segi sektor luaran, Imbangan Akaun Semasa (CAB) merekodkan lebih RM3.0 bilion pada ST1 2022, berbanding RM15.3 bilion pada suku tahun sebelumnya. Lebihan pada suku tahun ini didorong oleh eksport bersih akaun Barang.

- Pada ST1 2022, Pelaburan Langsung Asing (FDI) mengekalkan aliran masuk bersih yang lebih tinggi dengan RM24.4 bilion, meningkat daripada RM18.5 bilion pada suku tahun sebelumnya. Pada masa yang sama, Pelaburan Langsung di Luar Negeri (DIA) oleh pelabur Malaysia merekodkan aliran keluar bersih yang lebih rendah iaitu RM3.6 bilion berbanding RM7.9 bilion pada suku tahun sebelumnya.
- Jumlah perdagangan Malaysia bertambah 23.6 peratus kepada RM624.9 bilion daripada RM505.7 bilion pada ST1 2022. Eksport meningkat 22.2 peratus kepada RM345.0 bilion, manakala import bertambah 25.2 peratus kepada RM279.9 bilion. Imbangan perdagangan merekodkan lebih RM65.1 bilion, peningkatan 10.9 peratus berbanding tempoh yang sama tahun lalu.
- Berkaitan senario buruh, penduduk bekerja bertambah 338.4 ribu orang (+2.2%) kepada 15.57 juta orang pada ST1 2022 berbanding suku tahun yang sama tahun sebelumnya (ST1 2021: 15.24 juta orang). Oleh itu, nisbah guna tenaga kepada penduduk meningkat 0.9 mata peratus untuk merekodkan 66.2 peratus berbanding 65.3 peratus pada ST1 2021. Justeru, kadar pengangguran turun daripada 4.8 peratus kepada 4.1 peratus pada ST1 2022.
- Indeks Pelopor (IP) mencatatkan pertumbuhan 0.4 peratus kepada 111.3 mata berbanding 110.9 mata pada bulan sebelumnya, manakala bagi perubahan tahunan IP jatuh 1.5 peratus pada bulan rujukan, terutamanya disumbangkan oleh Import Benar Logam Asas Berharga & Logam Bukan Ferus Lain. Melangkah ke hadapan, perspektif hala tuju IP meramalkan bahawa pemulihan ekonomi akan terus berdaya tahan pada suku tahun ketiga 2022 tetapi terdedah kepada gangguan luaran.

BAROMETER EKONOMI

Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK)

5.0%
ST1 2022




Pengeluaran Buah Tandan Segar

3.7%
ST1 2022




Pengeluaran Getah Asli

-18.8%
ST1 2022



Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP)

4.5%
ST1 2022




Nilai Jualan Sektor Pembuatan

12.8%
ST1 2022




Indeks Volum Perkhidmatan

7.1%
ST1 2022




Indeks Volum Perdagangan Borong & Runcit

3.9%
ST1 2022




Eksport

22.2%
ST1 2022




Import

25.2%
ST1 2022




Kadar Pengangguran

4.1%
ST1 2022




Indeks Harga Pengguna (IHP)

2.2%
ST1 2022



Indeks Harga Pengeluaran Tempatan (IHPR)

10.2%
ST1 2022



Ekonomi Dunia

Pada tahun 2022, dunia mengalami evolusi COVID-19 yang berterusan dan peningkatan pelbagai kebimbangan; ketidaktentuan geopolitik, interaksi antara gangguan rantaian bekalan, tekanan inflasi dan normalisasi dasar ekonomi yang mana menyumbang kepada daya tahan jangka panjang pemuliharan ekonomi global. Pada suku tahun pertama 2022, Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) bagi kebanyakan negara menunjukkan pertumbuhan yang lebih baik berbanding suku tahun sebelumnya (**Jadual 1**). Ekonomi European Union (EU) bagi suku tahun ini meningkat 5.2 peratus berbanding 4.9 peratus pada suku tahun keempat 2021. Sementara itu, ekonomi United Kingdom (UK) berkembang sebanyak 8.7 peratus (ST4 2021: 6.6%). Namun begitu, ekonomi United States of America (USA) mencatatkan pertumbuhan sederhana iaitu 3.6 peratus pada suku tahun pertama 2022 berbanding 5.5 peratus pada suku tahun sebelumnya.

Bagi rantau Asia Timur, China dan Republic of Korea mengekalkan pertumbuhan ekonomi yang positif pada suku tahun pertama 2022 dengan masing-masing mencatatkan peningkatan 4.8 peratus (ST4 2021: 4.0%) dan 3.1 peratus (ST4 2021: 4.2%). Bagi rantau Asia Tenggara, Philippines dan Thailand masing-masing menunjukkan prestasi yang lebih baik dengan pertumbuhan ekonomi 8.3 peratus (ST4 2021: 7.8%) dan 2.2 peratus (ST4 2021: 1.8%). Sebaliknya, KDNK Singapore menyederhana kepada 3.4 peratus daripada 6.1 peratus pada suku tahun sebelumnya manakala KDNK Indonesia kekal tidak berubah pada 5.0 peratus.

Jadual 1: Perubahan Peratusan Tahunan KDNK bagi Negara Terpilih (%), 2020 - 2021 dan ST1 2021 - ST1 2022

Negara	2020	2021	2021				2022
			ST1	ST2	ST3	ST4	
Malaysia	-5.5	3.1	-0.5	15.9	-4.5	3.6	5.0
United States of America	-3.4	5.7	0.5	12.2	4.9	5.5	3.6
European Union	-5.9	5.3	-0.9	14.0	4.2	4.9	5.2
United Kingdom	-9.3	7.4	-5.0	24.5	6.9	6.6	8.7
China	2.3	8.1	18.3	7.9	4.9	4.0	4.8
South Korea	-0.9	4.0	1.9	6.0	4.0	4.2	3.1
Indonesia	-2.1	3.7	-0.7	7.1	3.5	5.0	5.0
Philippines	-9.5	5.7	-3.8	12.1	7.0	7.8	8.3
Singapore	-4.1	7.6	2.0	15.8	7.5	6.1	3.4
Thailand	-6.2	1.5	-2.4	7.7	-0.2	1.8	2.2
Taiwan	3.4	6.5	9.2	7.8	4.4	4.9	3.1

Sumber: National Statistics Office pelbagai negara

Ekonomi Malaysia

Ekonomi Malaysia meneruskan momentum dengan prestasi positif pada suku tahun pertama 2022 disokong oleh peningkatan permintaan dalam dan luar negeri serta situasi pasaran buruh yang lebih baik. Sokongan dasar kerajaan yang konsisten terutamanya melalui inisiatif di bawah Bajet 2022 yang giat dilaksanakan sejak awal tahun turut menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi pada suku tahun pertama 2022.

KDNK Malaysia pada suku tahun pertama 2022 berkembang 5.0 peratus berbanding 3.6 peratus pada tahun sebelumnya. Pada suku tahun tersebut, prestasi ekonomi terus menunjukkan trend menaik dengan mencatatkan pertumbuhan 4.3 peratus pada Januari 2022, meningkat kepada 5.2 peratus pada Februari dan seterusnya berkembang kepada 5.4 peratus pada Mac 2022. Sebagai rekod, KDNK pada suku tahun pertama 2022 telah melebihi nilai pada suku tahun pertama 2019 sebanyak 5.2 peratus atau RM17.9 bilion. Bagi terma pelarasan musim, KDNK menyederhana kepada 3.9 peratus pada suku tahun ini (ST4 2021: 4.6%).

PERSPEKTIF KESELURUHAN

Pertumbuhan pada suku tahun tersebut turut disokong oleh perbelanjaan penggunaan isi rumah yang lebih tinggi berikutan peningkatan keyakinan pengguna. Walaupun dalam persekitaran yang mencabar, terutamanya inflasi dan gangguan rantai bekalan global, pemulihan berterusan pasaran buruh dan pengembangan sektor perdagangan luaran juga menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi.

Berdasarkan sudut penawaran, prestasi ekonomi pada suku tahun pertama 2022 adalah dipacu oleh pertumbuhan berterusan sektor Perkhidmatan, Pembuatan dan Pertanian (**Jadual 2**).

**Jadual 2: Perubahan Peratusan Tahunan KDNK Malaysia mengikut Jenis Aktiviti Ekonomi (%),
2020 - 2021 dan ST1 2021 - ST1 2022**

Jenis Aktiviti Ekonomi	2020	2021	2021				2022
			ST1	ST2	ST3	ST4	
KDNK	-5.5	3.1	-0.5	15.9	-4.5	3.6	5.0
Perkhidmatan	-5.4	1.9	-2.3	13.4	-4.9	3.2	6.5
Pembuatan	-2.7	9.5	6.7	26.7	-0.8	9.1	6.6
Pertanian	-2.4	-0.2	0.1	-1.5	-2.0	2.8	0.2
Perlombongan & Pengkuarian	-9.7	0.3	-4.4	10.6	-3.2	-0.6	-1.1
Pembinaan	-19.3	-5.2	-10.4	40.3	-20.6	-12.2	-6.2

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Sektor Perkhidmatan terus menjadi pendorong utama dengan pertumbuhan kukuh sebanyak 6.5 peratus (ST4 2021: 3.2%). Pengembangan sektor ini didorong oleh pertumbuhan ketara dalam subsektor utama seperti Pengangkutan & penyimpanan, Perdagangan borong & runcit dan Makanan & minuman. Walau bagaimanapun, subsektor Kewangan merosot 2.1 peratus pada suku tahun ini (ST4 2021: 1.2%). KDNK pelarasan musim bagi sektor Perkhidmatan berkembang 5.5 peratus (ST4 2021: 5.1%).

Sektor Pembuatan kekal tumbuh sebanyak 6.6 peratus pada suku tahun pertama 2022 (ST4 2021: 9.1%). Prestasi memberangsangkan ini didorong oleh tiga subsektor utama iaitu Produk elektrik, elektronik & optikal pada 15.4 peratus (ST4 2021: 16.4%), Produk mineral bukan logam, logam asas & produk logam yang direka pada 5.3 peratus (ST4 2021: 5.8%) dan Produk kayu, perabot, keluaran kertas dan percetakan pada 6.6 peratus (ST4 2021: 5.6%). Walau bagaimanapun, subsektor Produk petroleum, kimia, getah dan plastik menyusut 0.5 peratus pada suku tahun tersebut (ST4 2021: 6.5%). KDNK pelarasan musim bagi sektor Pembuatan meningkat 1.8 peratus (ST4 2021: 6.6%).

Sektor Pertanian meningkat secara marginal sebanyak 0.2 peratus berbanding 2.8 peratus pada suku tahun sebelumnya. Prestasi ini dipengaruhi oleh subsektor Kelapa sawit, Perikanan dan Ternakan yang masing-masing bertumbuh 3.9 peratus (ST4 2021: 4.8%), 3.5 peratus (ST4 2021: -0.5%) dan 1.5 peratus (ST4 2021: 0.2%). Namun begitu, subsektor Getah merosot 18.6 peratus (ST4 2021: -18.8%) pada suku tahun pertama 2022. Bagi terma pelarasan musim, sektor ini mencatatkan penurunan 3.2 peratus (ST4 2021: 1.7%).

Sebaliknya, KDNK sektor Perlombongan dan pengkuarian terus merosot 1.1 peratus daripada penurunan dengan margin sebanyak 0.6 peratus pada suku tahun sebelumnya. Kejatuhan ini dipengaruhi oleh subsektor Minyak mentah dan kondensat yang menyusut 7.4 peratus (ST4 2021: -6.6%). Walau bagaimanapun, Gas asli bertumbuh 3.3 peratus pada suku tahun ini (ST4 2021: 3.4%). Sektor ini merekodkan pemulihan 2.9 peratus bagi terma pelarasan musim (ST4 2021: -1.6%).

Sektor Pembinaan menyusut 6.2 peratus berbanding penguncutan ketara 12.2 peratus pada suku tahun sebelumnya. Prestasi ini dipengaruhi oleh penurunan 16.1 peratus dalam subsektor Kejuruteraan awam (ST4 2021: -18.8%) dan 15.3 peratus dalam subsektor Bangunan kediaman (ST4 2021: -24.4%). Namun begitu, subsektor Bangunan bukan kediaman dan Aktiviti pembinaan pertukangan khas masing-masing meningkat 0.9 peratus (ST4 2021: -12.1%) dan 10.4 peratus (ST4 2021: 9.2%). Tambahan pula, sektor Pembinaan berkembang sebanyak 8.9 peratus (ST4 2021: -1.9%) bagi terma pelarasan musim.

Dari segi permintaan pula, pertumbuhan ekonomi disokong oleh peningkatan dalam perbelanjaan penggunaan isi rumah dan pemulihan dalam Pembentukan modal tetap kasar (PMTK) pada suku tahun ini (**Jadual 3**).

**Jadual 3: Perubahan Peratusan Tahunan KDNK Malaysia mengikut Jenis Perbelanjaan (%),
2020 - 2021 dan ST1 2021 - ST1 2022**

Jenis Perbelanjaan	2020	2021	2021				2022
			ST1	ST2	ST3	ST4	
KDNK	-5.5	3.1	-0.5	15.9	-4.5	3.6	5.0
Perbelanjaan Penggunaan Akhir Swasta	-4.2	1.9	-1.5	11.7	-4.2	3.7	5.5
Perbelanjaan Penggunaan Akhir Kerajaan	5.0	5.3	5.6	8.2	7.1	1.6	6.7
Pembentukan Modal Tetap Kasar	-14.4	-0.9	-3.3	16.4	-10.8	-3.0	0.2
Eksport	-8.6	15.4	11.7	37.1	4.2	13.0	8.0
Import	-7.9	17.7	12.2	35.5	11.4	14.5	11.1
Eksport Bersih	-13.7	-4.1	6.6	57.6	-39.9	0.8	-26.5

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Perbelanjaan penggunaan akhir swasta mencatatkan peningkatan lebih kukuh 5.5 peratus pada suku tahun pertama 2022 (ST4 2021: 3.7%). Bagi terma pelarasian musim, Perbelanjaan penggunaan akhir swasta meningkat 4.6 peratus (ST4 2021: 4.3%). Peningkatan ini disumbangkan oleh pertumbuhan dua digit dalam penggunaan Komunikasi (11.8%) dan Restoran & hotel (10.9%). Selain itu, Pengangkutan (8.9%) dan Makanan dan minuman bukan alkohol (4.6%) juga meningkat pada suku tahun ini.

PMTK atau pelaburan aset tetap merekodkan peningkatan dengan margin sebanyak 0.2 peratus pada suku tahun ini (ST4 2021: -3.0%) yang dipengaruhi oleh pertumbuhan dua digit dalam Jentera & peralatan (12.0%). Peningkatan PMTK secara berperingkat ini dapat dilihat sebagai pemangkin keupayaan ekonomi yang lebih tinggi untuk meningkatkan pengeluaran output pada masa hadapan. Sebaliknya, Struktur dan Aset lain juga telah menjelaskan prestasi keseluruhan PMTK dengan mencatatkan penurunan masing-masing sebanyak 7.9 peratus dan 0.9 peratus. PMTK mengikut sektor menunjukkan peningkatan dengan margin 0.4 peratus dalam sektor Swasta, manakala sektor Awam menunjukkan penurunan sebanyak 0.9 peratus pada suku tahun pertama 2022. Bagi terma pelarasian musim, PMTK mencatatkan kenaikan 5.0 peratus (ST4 2021: 4.4%).

Perbelanjaan penggunaan akhir kerajaan meningkat sebanyak 6.7 peratus (ST4 2021: 1.6%) dipacu oleh perbelanjaan ke atas bekalan dan perkhidmatan. Selain itu, sektor ini pulih 7.4 peratus (ST4 2021: -3.8%) bagi terma pelarasian musim.


Eksport menyederhana kepada 8.0 peratus (ST4 2021: 13.0%) dipengaruhi oleh penurunan 7.1 peratus dalam Eksport barang (ST4 2021: 12.9%). Sebaliknya, Import melonjak 11.1 peratus (ST4 2021: 14.5%) berikutan peningkatan ketara 11.3 peratus dalam import barang (ST4 2021: 15.2%). Ini menyebabkan penguncupan 26.5 peratus dalam Eksport bersih berbanding pertumbuhan positif 0.8 peratus pada suku tahun sebelumnya.

Prestasi ekonomi Malaysia sehingga suku pertama 2022 menunjukkan bahawa negara berada di landasan pemulihan disamping permintaan luaran yang memulih, pembukaan semula ekonomi domestik dan sokongan polisi domestik yang berterusan. Peralihan negara ke fasa endemik beserta pembukaan semula sempadan antarabangsa sejak 1 April 2022 dijangka akan memacu lagi aktiviti perdagangan dan perniagaan; sekali gus merencana pemulihan ekonomi. Memandangkan Malaysia adalah ekonomi terbuka, senario global semasa perlu dipantau dengan rapi memandangkan ia akan menjelaskan pelaburan global, perdagangan dan rantaian bekalan yang berpotensi mempengaruhi momentum pemulihan ekonomi.

PERSPEKTIF KESELURUHAN

Paras Indeks Pelopor (IP) terus bertambah baik dan arah aliran meningkat. Pada masa yang sama, IP mencatatkan pertumbuhan 0.4 peratus kepada 111.3 mata berbanding 110.9 mata pada bulan sebelumnya. Sebaliknya, perubahan tahunan IP menurun 1.5 peratus pada bulan rujukan, terutamanya disebabkan oleh Import Benar Logam Asas Berharga & Logam Bukan Ferus Lain. Melangkah ke hadapan, perspektif hala tuju IP menjangkakan bahawa pemulihan ekonomi akan terus berdaya tahan pada suku tahun ketiga 2022 tetapi masih terdedah kepada gangguan luaran. Peningkatan berterusan harga komoditi yang dipengaruhi oleh krisis bekalan menyebabkan kemerosotan lanjut dalam kuasa beli dan seterusnya menimbulkan keimbangan ke arah mencapai pemulihan yang lancar dan mampan.


**Carta 1: Indeks Pelopor (2015=100) dan Kitaran Perniagaan (Kawasan Berlorek Kelabu),
Januari 1991 - Mac 2022**



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia


Dari perspektif perniagaan, sentimen peniaga terus berada di trajektori positif untuk suku tahun kedua 2022 dengan mencatatkan +3.5 peratus berbanding +7.6 peratus pada suku tahun sebelumnya. Walaupun sempadan antarabangsa Malaysia telah dibuka semula sepenuhnya mulai 1 April 2022, peniaga kekal berhati-hati terhadap prospek perniagaan mereka di tengah-tengah tekanan inflasi, gangguan rantaian bekalan dan isu kekurangan tenaga buruh. Melihat kepada sentimen untuk enam bulan akan datang, peniaga optimis terhadap prospek perniagaan mereka dengan imbangan bersih +25.0 peratus bagi tempoh April hingga September 2022 berbanding +18.9 peratus yang dicatatkan sebelum ini.

Carta 2: Petunjuk Keyakinan Suku Tahunan, Malaysia, ST1 2018 – ST2 2022



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Carta 3: Imbangan Bersih Jangkaan Prestasi Perniagaan bagi Enam Bulan Akan Datang mengikut Sektor, Malaysia, ST2 2018 – ST3 2022



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Dalam situasi yang mencabar dan tidak menentu ini, International Monetary Fund (IMF, 2022) mengunjurkan ekonomi global akan berkembang sebanyak 3.6 peratus pada 2022 iaitu 0.8 peratus lebih rendah daripada unjuran terdahulu. Selaras dengan semakan semula itu, IMF menganggarkan KDNK Malaysia meningkat sebanyak 5.6 peratus pada 2022, lebih rendah sedikit berbanding anggaran sebelumnya iaitu 5.7 peratus (IMF, 2022)¹. Sementara itu, World Bank (2022) menjangkakan ekonomi negara akan berkembang antara 4.8 peratus hingga 5.5 peratus pada 2022². Ini sejajar dengan unjuran kerajaan yang mana ekonomi Malaysia dijangka akan berkembang di antara 5.3 peratus dan 6.3 peratus pada tahun 2022 (BNM, 2022)³.

1 International Monetary Fund. (2022, April). World Economic Outlook: War Sets Back the Global Recovery. Washington, DC, [Ebook]. Retrieved from International Monetary Fund: <https://www.imf.org/en/Publications/WEO/Issues/2022/04/19/world-economic-outlook-april-2022>

2 World Bank. (April 2022). World Bank East Asia and The Pacific Economic Update: Braving the Storm. Washington: The World Bank.

3 Central Bank of Malaysia. (2022). Economic and Monetary Review 2021. Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia.

ADAKAH IMPORT DAGING TERNAKAN MAMPU MENSTABILKAN HARGA DI PASARAN?

Wan Siti Zaleha binti Wan Zakaria; Siti Nur Syuhada binti Sulaiman; Nur Maslina binti Muhammed; Siti Haslinda binti Mohd Din
Bahagian Perangkaan Perdagangan Antarabangsa, Jabatan Perangkaan Malaysia

PENDAHULUAN

Isu kenaikan harga daging ternakan sering menjadi tumpuan terutamanya setiap kali menjelang musim perayaan. Bagi mengawal kenaikan harga, daging ternakan yang meliputi daging ayam, daging lembu, daging kambing dan daging babi disenaraikan sebagai barang dalam Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP). Walau bagaimanapun, mutakhir ini kenaikan harga daging ternakan terutamanya daging ayam tidak hanya berlaku pada musim perayaan, tetapi turut berlaku apabila terdapat faktor-faktor gangguan lain seperti kekurangan bekalan dan kenaikan harga makanan ternakan.

Hukum asas penawaran dan permintaan menerangkan keseimbangan harga dan kuantiti sesuatu barang berada pada titik pertemuan di antara penawaran dan permintaan. Kekurangan bekalan mendorong kepada kenaikan harga barang. Harga barang akan terus meningkat sehingga ketidakcukupan bekalan dapat diatasi dan kuantiti bekalan akan seimbang dengan kuantiti permintaan.

Sebagai salah satu usaha untuk menstabilkan harga daging ternakan, kerajaan telah mengambil langkah proaktif dengan menambah bekalan daging ternakan ke dalam pasaran melalui pengimportan daging ternakan. Pada 1 Disember tahun lepas, Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri telah mengumumkan bahawa pihak kerajaan telah memberi kelulusan kepada syarikat-syarikat untuk mengimport ayam sejuk beku bagi menampung permintaan dan membolehkan rakyat mendapat bekalan pada harga yang relevan. Pada awalnya, kebenaran import ini adalah bagi tempoh tiga bulan sehingga Februari 2022 akan tetapi telah dilanjutkan sehingga Mei 2022.

Kajian ini bertujuan untuk melihat keberkesanan peningkatan bekalan daging ternakan di pasaran melalui import kepada harga daging ternakan. Selain itu, kajian ini melihat hubungan antara harga daging ternakan di pasaran dan di ladang.

SENARIO PERMINTAAN DAN PENAWARAN DAGING TERNAKAN

Survei perbelanjaan isi rumah 2019 menunjukkan secara purata, isi rumah Malaysia membelanjakan RM109.08 sebulan untuk membeli daging yang terdiri daripada daging segar (RM79.70), daging beku (RM11.08) dan daging yang diproses (RM18.30). Nilai ini mewakili 2.4 peratus jumlah penggunaan perbelanjaan isi rumah bulanan Malaysia pada tahun tersebut. Sementara itu, Akaun Pembekalan dan Penggunaan Komoditi Pertanian Terpilih menunjukkan penduduk Malaysia pada 2020 paling banyak menggunakan daging ayam/itik dengan penggunaan per kapita 47.4 kilogram setahun. Ini diikuti oleh daging lembu/kerbau (5.6 kilogram/tahun) dan daging kambing (1.3 kilogram/tahun), manakala penggunaan daging babi di kalangan penduduk Malaysia bukan Islam adalah 17.5 kilogram setahun seperti di **Jadual 1a**.

Jadual 1a: Indikator Utama Permintaan Daging Ternakan

Subkumpulan Perbelanjaan	Komposisi Perbelanjaan Penggunaan Isi Rumah, Malaysia, 2019		Daging Ternakan	Penggunaan Per Kapita 2020 (kg/tahun)
	(RM/bulan)	(%)		
Daging Segar	79.70	1.76	Daging Ayam/ Itik	47.4
Daging Beku	11.08	0.24	Daging Babi	17.5
Daging Proses	18.30	0.40	Daging Lembu/ Kerbau	5.6
Jumlah	109.08	2.41	Daging Kambing/ Bebiru	1.3

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Permintaan daging ternakan penduduk Malaysia telah dipenuhi oleh pengeluaran domestik dan import. Pengeluaran domestik daging ayam/itik pada 2020 ialah 1,597,526.1 tan metrik, diikuti oleh daging babi (221,324.5 tan metrik), daging lembu/kerbau (43,492.5 tan metrik) dan daging kambing/bebiri (4,026.4 tan metrik). Walaupun begitu, pengeluaran ini tidak mencukupi untuk memenuhi permintaan domestik apabila kadar sara diri (SSR) komoditi-komoditi ini direkodkan kurang daripada 100.0 peratus pada 2020. SSR daging ayam/itik dan daging babi menghampiri kadar 100.0 dengan masing-masing pada 98.2 peratus dan 93.2 peratus, manakala SSR daging lembu/kerbau dan daging kambing /bebiri masing-masing direkodkan pada 22.2 peratus dan 9.6 peratus.

Senario ini membawa kepada pengimportan untuk mengisi kekurangan dalam pengeluaran tempatan di mana Malaysia mempunyai pergantungan yang tinggi terhadap import daging kambing/bebiri dan daging lembu/kerbau dengan masing-masing merekodkan kadar kebergantungan import (IDR) 90.4 peratus dan 78.1 peratus. Sementara itu, IDR daging babi dan daging ayam masing-masing direkodkan pada 5.8 peratus dan 4.2 peratus (**Jadual 1b**). Malaysia mengimport RM2.3 bilion daging lembu/kerbau pada 2021 dengan 93.7 peratus merangkumi daging yang dibekukan terutamanya dari India. Manakala import daging kambing/bebiri berjumlah RM767.9 juta terutamanya dari Australia. Sementara itu, negara asal sumber utama daging ayam/itik (RM774.5 juta) dan daging babi (RM211.5 juta) masing-masing adalah Thailand dan European Union (EU).

Jadual 1b: Indikator Utama Penawaran Daging Ternakan

Daging Ternakan	Pengeluaran Domestik (Tan Metrik)	Kadar Sara Diri (SSR), %	Kadar Kebergantungan Import (IDR), %	Import (RM Juta)
				2021
Daging Ayam/Itik	1,597,526.1	98.2	4.2	774.5
Daging Babi	221,324.5	94.9	5.8	211.5
Daging Lembu/ Kerbau	43,492.5	22.2	78.1	2,322.9
Daging Kambing/ Bebiri	4,026.4	9.6	90.4	767.9

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

SOROTAN KAJIAN

Inflasi merujuk kepada kenaikan secara umum harga barang dan perkhidmatan yang membawa kepada pengurangan kuasa beli. Inflasi boleh diukur melalui indeks harga atau pendeflasi Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK). Inflasi disebabkan terutamanya oleh faktor penawaran dan permintaan. Faktor penawaran menyumbang kepada inflasi tolakan kos yang berlaku apabila pengeluar menangani peningkatan kos dengan menaikkan harga untuk mengekalkan margin keuntungan. Sementara itu, faktor permintaan mengakibatkan inflasi tarikan permintaan yang berlaku apabila permintaan agregat meningkat melebihi penawaran agregat. Apabila permintaan melebihi penawaran, harga akan meningkat dan menyumbang kepada inflasi. Mengambil kira Malaysia sebagai sebuah ekonomi terbuka, eksport dan import memainkan peranan penting untuk mengawal inflasi. Bagi memenuhi permintaan, negara mungkin mengimport untuk meredakan peningkatan harga. Sebaliknya, negara mungkin mengeksport apabila bekalan domestik melebihi permintaan untuk mengelakkan deflasi.

Merujuk kepada analisis Dorosh dan Shahbudin (2002), kestabilan harga beras yang dicapai pada 1990-an disumbangkan terutamanya oleh import oleh sektor swasta yang menstabilkan pasaran berikutan kekurangan ketara pengeluaran. Sementara itu, Gouel (2015) menyatakan dalam pembentangannya mengenai Dasar Penstabilan Harga Makanan bahawa bagi mencapai kestabilan harga makanan, pengasingan penuh daripada harga dunia dan larangan eksport harus dielakkan. Walau bagaimanapun, penyesuaian polisi perdagangan secara kitaran balas kepada pergerakan harga global adalah perlu untuk mengurangkan kesan pergerakan harga global. Menurut Araújo dan Flaig (2017), penyertaan mendalam dalam rantaian nilai global akan meningkatkan kecekapan ekonomi dan penggunaan barang perantaraan diimport yang lebih tinggi dalam pengeluaran akan menyumbang kepada penurunan harga, meningkatkan daya saing di peringkat antarabangsa dan memberi manfaat kepada isi rumah. Jaravel dan Sager (2018) mengesyorkan bahawa kesan pro-persaingan perdagangan mempunyai implikasi penting kepada inflasi dan kebijakan pengguna.

METODOLOGI

Data yang digunakan dalam analisis ini adalah Indeks Harga Pengguna (IHP) Subkumpulan Daging, Indeks Harga Pengeluar (IHPR) Pengeluaran Tempatan bagi Pengeluaran Ternakan dan Volum Import Daging Ternakan. IHP disusun oleh DOSM menggunakan harga runcit atau harga transaksi yang dipungut daripada lebih kurang 21,800 peruncit di seluruh Malaysia sama ada secara mingguan, bulanan atau suku tahunan. Sementara itu, harga yang digunakan dalam pengiraan IHPR pengeluaran tempatan merujuk kepada harga yang diterima oleh pengeluar pada peringkat pertama pengkomersilan yang diperoleh daripada pertubuhan terpilih berdasarkan sumbangan kepada jumlah output bagi industri yang telah ditetapkan. Volum Import diperoleh daripada Perangkaan Perdagangan Luar Negeri yang disusun daripada pengikraran import dan eksport barang yang bersumberkan terutamanya daripada Jabatan Kastam Diraja Malaysia. Data yang digunakan meliputi tempoh 60 bulan iaitu dari Januari 2017 hingga Disember 2021.

Analisis Korelasi Pearson digunakan untuk menentukan sama ada terdapatnya pertalian bivariat antara pemboleh ubah yang dicerap. Analisis Regresi Linear Berganda kemudiannya digunakan untuk melihat hubung kait di antara pemboleh ubah bersandar IHP Subkumpulan Daging dengan pembolehubah-pembolehubah tidak bersandar (Volum Import Daging Ternakan dan IHPR Pengeluaran Tempatan Pengeluaran Ternakan) seperti berikut:


$$Y = \beta_0 + \beta_1 X_1 + \beta_2 X_2 + \varepsilon_i$$

Di mana, Y merujuk kepada IHP Subkumpulan Daging, X_1 adalah Volum Import Daging Ternakan, and X_2 dan IHPR Pengeluaran Tempatan Pengeluaran Ternakan. Indeks ini adalah data bulanan dari tahun 2017 hingga 2021.

KEPUTUSAN

Analisis ini bertujuan untuk melihat kesan perubahan volum import daging ternakan kepada harga daging ternakan serta hubung kait di antara harga di peringkat pengguna dan di ladang menggunakan Analisis Regresi Linear Berganda. Analisis ini menggunakan statistik bulanan IHP Subkumpulan Daging, IHPR Pengeluaran Tempatan Pengeluaran Ternakan dan Volum Import Daging Ternakan bagi tempoh Januari 2017 hingga Disember 2021. Berdasarkan tempoh cerapan, IHP Subkumpulan Daging dan IHPR Pengeluaran Tempatan Pengeluaran Ternakan merekodkan nilai tertinggi pada Disember 2021, masing-masing dengan 136.8 dan 131.0 mata indeks, Sementara itu, Volum Import Daging Ternakan tertinggi direkodkan pada Mac 2020 dengan 35,295,188.8 tan metrik (**Carta 1a**).


Carta 1a: IHP Subkumpulan Daging, IHPR Pengeluaran Tempatan Pengeluaran Ternakan dan Volum Import Daging Ternakan, Januari 2017 - Disember 2021



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia


Sepanjang tempoh cerapan, volum import daging ternakan dipacu terutamanya oleh Daging Lembu/Kerbau, yang mewakili 53.0 peratus daripada jumlah volum import daging ternakan pada 2021, diikuti oleh Daging Ayam/Itik (32.2%), Daging Kambing/Bebiri (9.8%) dan Daging Babi (5.0%). Sumbangan Daging Lembu/Kerbau mencecah peratusan tertinggi pada Julai 2020 dengan 67.8 peratus, manakala Daging Ayam/Itik pada Oktober 2021 dengan 46.3 peratus (**Carta 1b**). Volum import daging Lembu/Kerbau merekodkan nilai tertinggi pada Jun 2021, dengan 20.2 juta tan metrik, manakala daging Ayam/Itik pada Oktober 2021 dengan 13.0 juta tan metrik (**Carta 1c**).

Carta 1b: Komposisi Volum Import Daging Ternakan mengikut Komoditi, Januari 2017 - Disember 2021



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Carta 1c: Volum Import Daging Ternakan mengikut Komoditi, Januari 2017 - Disember 2021



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

IHP Subkumpulan Daging mempunyai korelasi linear positif yang lemah ($r = +0.202$) dengan Volum Import Daging Ternakan. Sementara itu, IHPR Pengeluaran Tempatan Pengeluaran Ternakan mempunyai pertalian linear negatif yang lemah ($r = -0.016$) dengan Volum Import Daging Ternakan. IHP Subkumpulan Daging mempunyai pertalian linear positif yang kuat ($r = +0.753$) yang signifikan ($p < 0.001$) dengan IHPR Pengeluaran Tempatan Pengeluaran Ternakan (**Jadual 1c**).

Jadual 1c: Analisis Korelasi Pearson

	IHP _{Subkumpulan Daging}	Volum Import _{Daging Ternakan}	IHPR Pengeluaran Tempatan _{Pengeluaran Ternakan}
IHP _{Subkumpulan Daging}	1.000	0.202	0.753**
Volum Import _{Daging Ternakan}	0.202	1.000	-0.016
IHPR Pengeluaran Tempatan _{Pengeluaran Ternakan}	0.753**	-0.016	1.000

Nota: **p < 0.001

Jadual 1d: Ringkasan Model

Model	R	R Kuasa Dua	R Kuasa Dua Terselaras	Ralat Piawai Anggaran
1	0.782 ^a	0.612	0.599	1.9566

Nota:

a. Peramal: (Pemalar), IHPR Pengeluaran Tempatan_{Pengeluaran Ternakan}, Volum Import_{Daging ternakan}

IHP Subkumpulan Daging dipengaruhi secara positif oleh IHPR Pengeluaran Tempatan Pengeluaran Ternakan. Peningkatan 1 mata IHPR Pengeluaran Tempatan Pengeluaran Ternakan menyumbang kepada peningkatan 0.523 mata IHP Subkumpulan Daging. Sebaliknya, Volum Import Daging Ternakan memberi kesan minimum, dengan peningkatan 0.0000002 mata IHP Subkumpulan Daging bagi setiap unit peningkatan Volum Import Daging Ternakan.

Model Regresi Berganda adalah seperti berikut:

$$\text{IHP}_{\text{Subkumpulan Daging}} = 59.2 + 0.0000002(\text{Volum Import}_{\text{Daging ternakan}}) + 0.523(\text{IHPR}_{\text{Pengeluaran Tempatan Pengeluaran Ternakan}})$$

PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

Harga daging ternakan di pasaran mempunyai pertalian dan hubung kait yang signifikan dengan harga daging ternakan di ladang. Perubahan harga daging ternakan di ladang memberi kesan secara langsung kepada harga daging ternakan di pasaran. Sementara itu, pertalian antara harga daging ternakan di pasaran dan di ladang dengan volum import daging ternakan adalah lemah, manakala hubung kait perubahan volum import daging ternakan kepada perubahan harga daging ternakan di pasaran adalah minimum. Sehubungan itu, pengimportan daging ternakan secara keseluruhan dilihat tidak memberi kesan ketara dalam menstabilkan harga di pasaran. Pelbagai faktor dalaman dan luaran termasuk kenaikan harga makanan ternakan yang sebahagian besarnya diimport turut mempengaruhi pasaran harga daging ternakan. Usaha menurunkan harga daging ternakan dengan menambah bekalan ke dalam pasaran melalui pengimportan perlu disokong oleh usaha pengurangan kos di peringkat pengeluar. Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0) menyasarkan SSL bagi daging lembu/kerbau, daging kambing/bebiri, daging babi dan daging ayam/itik masing-masing mencapai 50 peratus, 30 peratus, 90 peratus dan 140 peratus menjelang 2030. Bagi mencapai sasaran ini dengan kos yang kompetitif, strategi pemodenan industri ternakan melalui teknologi dan inovasi perlu diteroka untuk mengukuhkan sumber hasil tempatan supaya dapat memenuhi keperluan dan seterusnya mengurangkan pergantungan terhadap import. Analisis ini merujuk kepada daging ternakan secara keseluruhan, di mana komposisi volum import daging ternakan, IHP Subkumpulan Daging dan IHPR Pengeluaran Tempatan Pengeluaran Ternakan mengikut komoditi mungkin berbeza, begitu juga SSR dan IDR. Sehubungan itu, analisis lanjut boleh dilaksanakan secara terperinci mengikut komoditi. Pada masa yang sama, analisis lanjut kenaikan harga daging ternakan juga boleh dilaksanakan dengan melihat kepada import barang perantaraan industri ternakan, terutamanya makanan ternakan. Merujuk perkembangan berkaitan, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menyasarkan pengurangan import makanan ternakan 30 peratus pada 2030 menerusi Projek Pembangunan Industri Jagung Bijian untuk makanan ternakan.

PENAFIAN

Pandangan yang dikemukakan adalah pandangan daripada penulis dan tidak semestinya mewakili pandangan Jabatan Perangkaan Malaysia.

RUJUKAN

Astroawani (2021). Isu Harga Barang - Kerajaan akan import ayam sejuk beku <https://www.astroawani.com/video-malaysia/isu-harga-barang-kerajaan-akan-import-ayam-sejuk-beku-1937721>

Berita Harian (2022). Kebenaran import ayam bulat dilanjutkan hingga Mei <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2022/03/934284/kebenaran-import-ayam-bulat-dilanjutkan-hingga-meи>

BERNAMA (2022). MAFI Sasar Pengurangan 30 peratus Import Makanan Ternakan <https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2079873>

Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0) <https://www.mafi.gov.my/documents/20182/268188/Teks+Ucapan+YAB+PM-min.pdf/14ec400f-c2cf-4945-802e-8905a8e76c96>

Dorosh, P., dan Shahbudin, Q. (2002). Rice Price Stabilization in Bangladesh: An Analysis of Policy Options. MSSD Discussion Paper. <http://citeseerx.ist.psu.edu/viewdoc/download?doi=10.1.1.58.2877&rep=rep1&type=pdf>

Flaig, D., dan Araújo, S. (2017). Trade Restrictions in Brazil: Who Pays the Price?. Journal of Economic Integration https://www.e-jei.org/upload/JEI_32_2_283_323_2013600128.pdf

Gouel, C. (2015). Food Price Stabilization Policies Lessons from Economic Theory. Seventh Multi-year Expert Meeting on Commodities and Development <https://unctad.org/system/files/non-official-document/SUC%20MYEM2015%20Christophe%20Gouel.pdf>

Jabatan Perangkaan Malaysia. (2021). Akaun Pembekalan dan Penggunaan Komoditi Pertanian Terpilih 2016 - 2021. Putrajaya: DOSM.

Jabatan Perangkaan Malaysia. (2022). Indeks Harga Pengguna Disember 2021. Putrajaya: DOSM.

Jabatan Perangkaan Malaysia. (2022). Indeks Harga Pengeluar – Pengeluaran Tempatan Disember 2021. Putrajaya: DOSM.

Jabatan Perangkaan Malaysia. (2021). Indikator Pertanian Terpilih 2021. Putrajaya: DOSM.

Jabatan Perangkaan Malaysia. (2020). Laporan Survei Perbelanjaan Isi Rumah 2019. Putrajaya: DOSM.

Jabatan Perangkaan Malaysia. (2022). Perangkaan Perdagangan Luar Negeri Disember 2021. Putrajaya: DOSM. <https://metsonline.stats.gov.my/>

Jaravel, X., dan Sager, E. (2018). What are the Price Effects of Trade? Evidence from the U.S. and Implications for Quantitative Trade Models. BLS Working Papers. <https://www.bls.gov/osmr/research-papers/2018/pdf/ec180060.pdf>

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong.



PRESTASI SEKTORAL

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong.



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA



SOROTON STATISTIK EKONOMI MALAYSIA SIRI 5/2022

KDNK Malaysia ST1 2022: 5.0% | ST4 2021: 3.6%



Pertanian
ST1 2022: 0.2%
Sumbangan: 6.3%



Perlombongan &
Pengkuarian
ST1 2022: -1.1%
Sumbangan: 6.7%



Pembinaan
ST1 2022: -6.2%
Sumbangan: 3.6%



Perkhidmatan
ST1 2022: 6.5%
Sumbangan: 58.2%



Pembuatan
ST1 2022: 6.6%
Sumbangan: 24.2%

PENGELOUARAN

Pengeluaran Buah Tandan Segar (Kelapa Sawit)

Apr 2022: 7,375,776 tan metrik ▼-5.0%
Mac 2022: 7,374,154 tan metrik ▲ 0.7%



Pengeluaran Getah Asli

Mac 2022: 28,030 tan metrik ▼-22.3%
Feb 2022: 28,817 tan metrik ▼-42.2%



Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP)

ST1 2022: ▲ 4.5%
ST4 2021: ▲ 6.8%



Nilai Jualan Sektor Pembuatan

ST1 2022: RM415.3b ▲12.8%
ST4 2021: RM427.0b ▲16.5%



Hasil Sektor Perkhidmatan

ST1 2022: RM473.0b ▲10.4%
ST4 2021: RM460.0b ▲ 5.3%



Indeks Volum Perkhidmatan

ST1 2022: ▲ 7.1%
ST4 2021: ▲ 3.0%



SEKTOR LUARAN

Eksport

ST1 2022: RM345.0b ▲ 22.2%
ST4 2021: RM350.5b ▲ 29.0%

Import

ST1 2022: RM279.9b ▲ 25.2%
ST4 2021: RM274.3b ▲ 29.6%

PASARAN BURUH

Bilangan Penduduk Bekerja

ST1 2022: 15.57 juta orang ▲ 2.2%
ST4 2021: 15.44 juta orang ▲ 1.8%

Kadar Pengangguran

ST1 2022: 4.1%
ST4 2021: 4.3%

HARGA

Indeks Harga Pengguna (IHP)

ST1 2022: ▲ 2.2%
ST4 2021: ▲ 3.2%


Indeks Harga Pengeluar (IHPR)

ST1 2022: ▲ 10.2%
ST4 2021: ▲ 11.9%

Kelapa Sawit

Pengeluaran buah tandan segar pada April 2022 meningkat sedikit sebanyak 0.02 peratus kepada 7,375,776 tan metrik daripada 7,374,154 tan metrik yang direkodkan pada bulan sebelumnya (**Carta 4**). Walau bagaimanapun, perbandingan tahun ke tahun menunjukkan penyusutan sebanyak 5.0 peratus berbanding April 2021 (7,766,202 tan metrik).

Carta 4: Pengeluaran Buah Tandan Segar, Mac 2021 - April 2022



Sumber: Lembaga Minyak Sawit Malaysia


Purata penghasilan buah tandan segar pada April 2022 menyusut kepada 1.17 tan metrik/ha berbanding Mac 2022 (1.18 tan metrik/ha) (**Jadual 4**). Analisis lanjut mengikut wilayah, purata pengeluaran hasil buah tandan segar di Semenanjung Malaysia menyusut sebanyak 3.0 peratus kepada 1.28 tan metrik/ha (Mac 2022: 1.32 tan metrik/ha) manakala Sabah/Sarawak meningkat 1.9 peratus kepada 1.08 tan metrik/ha (Mac 2022: 1.06 tan metrik/ha).

**Jadual 4: Purata Penghasilan Buah Tandan Segar mengikut Kawasan, April 2021 - April 2022
(Tan Metrik/ Ha)**

Wilayah	2021										2022			
	Apr	Mei	Jun	Jul	Ogos	Sept	Okt	Nov	Dis	Jan	Feb	Mac	Apr	
Malaysia	1.28	1.33	1.35	1.30	1.44	1.45	1.46	1.41	1.26	1.10	0.99	1.18	1.17	
Semenanjung Malaysia	1.40	1.40	1.41	1.42	1.55	1.48	1.51	1.44	1.24	1.08	1.07	1.32	1.28	
Sabah/ Sarawak	1.19	1.27	1.29	1.20	1.35	1.42	1.41	1.38	1.27	1.11	0.93	1.06	1.08	


Sumber: Lembaga Minyak Sawit Malaysia

Walaupun terdapat sedikit penyusutan dalam purata buah tandan segar yang dituai, sektor perkilangan kelapa sawit menunjukkan sedikit peningkatan bulan ke bulan. Pengeluaran minyak sawit mentah dan isirung sawit masing-masing meningkat 3.6 peratus (April 2022: 1,462,021 tan metrik, Mac 2022: 1,411,215 tan metrik) dan 2.2 peratus (April 2022: 367,159 tan metrik, Mac 2022: 359,165 tan metrik). Pengeluaran minyak isirung sawit mentah dan dedak isirung juga masing-masing turut meningkat sebanyak 4.6 peratus (April 2022: 168,068 tan metrik, Mac 2022: 160,693 tan metrik) dan 5.8 peratus (April 2022: 191,019 tan metrik, Mac 2022: 180,516 tan metrik).

Carta 5: Pengeluaran mengikut Produk Utama Kelapa Sawit, Mac 2021 - April 2022


Sumber: Lembaga Minyak Sawit Malaysia


Sementara itu, eksport minyak sawit menyusut 17.7 peratus kepada 1,054,550 tan metrik pada April 2022 berbanding 1,281,739 tan metrik pada Mac 2022. India kekal sebagai negara pengimpor tertinggi iaitu sebanyak 241,447 tan metrik, menyumbang 22.9 peratus daripada jumlah keseluruhan eksport minyak sawit diikuti Netherlands (9.0%), China (6.7%), Saudi Arabia (5.4%) dan Philippines (5.3%).

Carta 6: Eksport Minyak Sawit, Mac 2021 - April 2022


Sumber: Lembaga Minyak Sawit Malaysia

Import minyak sawit dan isirung sawit masing-masing menurun 10.0 peratus kepada 76,395 tan metrik (Mac 2022: 84,871 tan metrik) dan 8.9 peratus kepada 4,497 tan metrik (Mac 2022: 4,938 tan metrik). Sementara itu, import minyak isirung sawit meningkat 9.4 peratus kepada 17,034 tan metrik (Mac 2022: 15,574 tan metrik).

Carta 7: Import mengikut Produk Kelapa Sawit, Mac 2021 - April 2022




Sumber: Lembaga Minyak Sawit Malaysia

Getah

Pengeluaran getah asli menurun 2.7 peratus kepada 28,030 tan metrik pada Mac 2022 daripada 28,817 tan metrik pada Februari 2022. Perbandingan dengan setahun yang lalu, pengeluaran turut mencatatkan penurunan 22.3 peratus daripada 36,068 tan metrik pada bulan yang sama pada tahun 2021 (**Carta 8**).

Carta 8: Pengeluaran Getah Asli, Januari 2021 - Mac 2022




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Sektor kebun kecil merupakan penyumbang utama kepada pengeluaran getah asli pada Mac 2022 iaitu 88.3 peratus (24,743 tan metrik) dan selebihnya adalah dari sektor estet, 11.7 peratus (3,287 tan metrik). Perbandingan bulan ke bulan bagi pengeluaran di kedua-dua sektor ini masing-masing menurun kepada 1.8 peratus dan 9.1 peratus.

Analisis perbandingan harga purata bulanan menunjukkan Lateks Pekat merekodkan peningkatan sebanyak 3.9 peratus (Mac 2022: 683.57 sen sekilogram, Februari 2022: 658.14 sen per kg) manakala harga bagi jenis Sekerap menurun 2.5 peratus (Mac 2022: 591.02 sen per kg, Februari 2022: 606.41 sen sekilogram). Dalam pada itu, pergerakan harga bagi semua jenis Getah Mutu Malaysia (G.M.M) pula mengalami peningkatan di antara 3.8 peratus hingga 3.9 peratus dan menurun di antara 2.2 hingga 2.3 peratus. Menurut World Bank Commodity Price Data, harga bagi getah jenis TSR 2 (*Technically Specified Rubber*) dan SGP/MYS (Singapore/ Malaysia) masing-masing menurun 2.5 peratus (daripada USD1.79/kg kepada USD1.75/kg) dan meningkat 0.5 peratus (daripada USD2.11/kg kepada USD2.12/kg).


Carta 9: Harga Purata Bulanan bagi Getah Asli, Mac 2021, Februari 2022 dan Mac 2022



Sumber: Lembaga Getah Malaysia

Jumlah stok getah asli menurun 4.4 peratus pada Mac 2022 kepada 310,332 tan metrik berbanding 324,659 tan metrik pada Februari 2022 (**Carta 10**). Manakala, penggunaan domestik pula meningkat 1.3 peratus kepada 44,623 tan metrik pada Mac 2022 berbanding 40,093 tan metrik pada Februari 2022.

Carta 10: Stok Getah Asli, Januari 2021 - Mac 2022



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Eksport getah asli Malaysia berjumlah 53,328 tan metrik pada Mac 2022 meningkat 12.5 peratus daripada bulan sebelumnya (47,386 tan metrik). China kekal sebagai pengimpor terbesar getah asli iaitu menyumbang 50.6 peratus daripada jumlah keseluruhan eksport diikuti oleh Finland (5.9%), Iran (4.1%), Germany (3.4%) dan Turkey (3.2%).

PERTANIAN

Sarung tangan merupakan eksport utama produk berasaskan getah dengan nilai sebanyak RM2.1 bilion pada Mac 2022, meningkat 9.1 peratus daripada RM2.0 bilion pada Februari 2022. Tiga negara eksport utama sarung tangan getah ialah USA dengan nilai RM637.4 juta, Germany (RM167.5 juta) dan China (RM108.9 juta) (**Jadual 5**)

Jadual 5: 10 Negara Eksport Tertinggi Sarung Tangan Getah, Februari 2022 dan Mac 2022

Negara	Kuantiti (Tan metrik)		Nilai (RM Juta)	
	Februari 2022	Mac 2022	Februari 2022	Mac 2022
United States of America	17,633	20,628	623.9	637.4
Germany	4,443	5,551	137.6	167.5
China	4,319	5,236	95.3	108.9
Turkey	2,669	4,524	53.8	87.9
Japan	2,852	3,689	102.7	121.2
Brazil	2,824	2,901	55.2	57.1
United Kingdom	1,545	2,525	45.4	46.5
Italy	2,127	2,496	53.4	59.9
Netherlands	1,909	2,136	54.4	58.5
Australia	1,481	1,866	39.8	56.0


Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP)

Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP) Malaysia berkembang pada kadar terpantas dalam tempoh tiga bulan pada Mac 2022, diterajui oleh sektor Pembuatan untuk keluaran berorientasikan eksport dan domestik. Momentum pertumbuhan IPP adalah selari dengan permintaan perdagangan luar negeri yang dicatatkan pada Mac 2022.

IPP pada bulan Mac 2022 meningkat 5.1 peratus berbanding bulan yang sama pada tahun sebelumnya (**Carta 11**). Peningkatan dalam ketiga-tiga sektor ini telah menyumbang kepada pertumbuhan IPP; indeks Pembuatan (6.9%), indeks Elektrik (0.8%) dan indeks Perlombongan (0.3%).

Carta 11: Indeks Pengeluaran Perindustrian, Tahun ke Tahun (%), Mac 2021 - Mac 2022



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Sektor Pembuatan merupakan komponen terbesar bagi IPP mencatatkan pertumbuhan 6.9 peratus pada Mac 2022. Output berorientasikan eksport dan domestik masing-masing mencatatkan pertumbuhan sebanyak 7.8 peratus (Februari 2022: 4.8%) dan 5.1 peratus (Februari 2022: 6.1%) berbanding tempoh yang sama pada tahun sebelumnya. Penyumbang terbesar kepada output berorientasikan eksport adalah pembuatan kelengkapan elektrik dengan sumbangan sebanyak 22.4 peratus (Februari 2022: 16.1%), diikuti oleh pembuatan komputer, produk elektronik & optikal, 20.5 peratus (Februari 2022: 13.8%) dan pembuatan kok & produk petroleum bertapis sebanyak 12.3 peratus (Februari 2022: -1.4%). Sementara itu, pertumbuhan industri berasaskan domestik adalah disumbangkan oleh pembuatan produk makanan iaitu 10.1 peratus (Februari 2022: 5.4%), diikuti oleh pembuatan logam asas, 9.8 peratus (Februari 2022: 5.2%) dan pembuatan produk galian bukan logam lain, 6.6 peratus (Februari 2022: 6.1%).


IPP bagi beberapa negara rakan dagang utama Malaysia menunjukkan pertumbuhan positif pada Mac 2022 seperti United States of America (USA), 5.5 peratus (Februari 2022: 7.5%), China, 5.0 peratus (Februari 2022: 7.5%), South Korea, 3.7 peratus (Februari 2022: 6.3%) dan Singapore, 3.4 peratus (Februari 2022: 17.6%). Sebaliknya, Japan merekodkan penurunan sebanyak 1.7 peratus (Februari 2022: 0.2%).

Output sektor Perlombongan meningkat sedikit 0.3 peratus pada bulan Mac 2022 berbanding tempoh yang sama pada tahun sebelumnya disebabkan oleh peningkatan 5.7 peratus dalam indeks Gas Asli. Sementara itu, indeks Minyak Mentah & Kondensat merosot sebanyak 6.8 peratus.

IPP bagi suku tahun pertama 2022 berkembang sebanyak 4.5 peratus berbanding tempoh yang sama tahun sebelumnya. Peningkatan ini boleh dikaitkan dengan lonjakan dalam indeks Pembuatan (6.3%) dan indeks Elektrik (3.7%). Sebaliknya, indeks Perlombongan menguncup 1.8 peratus.

INDUSTRI DAN PEMBUATAN

Carta 12: Indeks Pengeluaran Perindustrian, Tahun ke Tahun (%), ST1 2021 - ST1 2022




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pembuatan

Sektor Pembuatan Malaysia merekodkan nilai jualan tertinggi sebanyak RM144.6 bilion pada Mac 2022 dengan peningkatan 13.9 peratus (Februari 2022: 11.2%) berbanding bulan yang sama tahun sebelumnya (**Carta 13**). Peningkatan nilai jualan dipacu oleh Produk Elektrik & Elektronik (25.9%), Produk Makanan, Minuman & Tembakau (14.4%) dan Produk Petroleum, Kimia, Getah & Plastik (6.3%).

Tambahan pula, eksport Malaysia pada Mac 2022 berkembang 25.4 peratus berbanding bulan yang sama pada tahun sebelumnya untuk mencapai RM131.6 bilion (Februari 2022: 16.8%). Perkembangan eksport disumbangkan terutamanya oleh permintaan luaran yang kukuh bagi produk elektrik dan elektronik (E&E) dan produk berasaskan komoditi, iaitu minyak sawit dan produk berasaskan minyak sawit, produk petroleum, gas asli cecair (LNG) serta petroleum mentah. Pada masa yang sama, eksport ke pasaran utama terutamanya ASEAN, China, USA, European Union (EU) dan Japan mencatatkan peningkatan dua digit. Eksport barang perkilangan pada Mac 2022 mencapai nilai bulanan tertinggi iaitu RM109.5 bilion atau 83.2 peratus daripada jumlah eksport, meningkat 19.1 peratus tahun ke tahun.

Carta 13: Nilai Jualan Sektor Pembuatan, Mac 2021 - Mac 2022




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Berdasarkan Survei Pembuatan Bulanan, jumlah pekerja dalam sektor Pembuatan pada Mac 2022 adalah seramai 2.29 juta orang, bertambah 2.4 peratus berbanding 2.23 juta orang pada Mac 2021 (Februari 2022: 2.1%). Peningkatan jumlah pekerja terutamanya disokong oleh industri Elektrik & Elektronik (5.0%), Kayu, Perabot, Produk Kertas & Percetakan (2.9%) dan Makanan, Minuman & Tembakau (1.3%). Gaji & upah yang dibayar meningkat 4.4 peratus, berjumlah RM7.8 bilion pada Mac 2022 berbanding bulan yang sama tahun 2021 (Februari 2022: 3.9%). Selain itu, purata gaji & upah setiap pekerja meningkat 1.9 peratus kepada RM3,429 berbanding bulan yang sama pada tahun sebelumnya. Pada masa yang sama, nilai jualan per pekerja juga turut meningkat sebanyak 11.2 peratus kepada RM63,222 (Mac 2021: RM56,831).

Pada suku tahun pertama 2022, nilai jualan merekodkan peningkatan 12.8 peratus (ST4 2021: 16.5%) kepada RM415.3 bilion berbanding tempoh yang sama tahun 2021 (**Carta 14**). Peningkatan ini dipacu oleh Produk Elektrik & Elektronik (17.6%), Produk Makanan, Minuman & Tembakau (16.3%) dan Produk Petroleum, Kimia, Getah & Plastik (9.7%). Bilangan pekerja pada tempoh tersebut bertambah 2.4 peratus (ST4 2021: 2.7%) kepada 2.29 juta orang manakala gaji & upah yang dibayar mencatatkan bertambah 4.1 peratus (ST4 2021: 4.7%) kepada RM23.5 bilion. Dalam tempoh rujukan, nilai jualan per pekerja meningkat sebanyak 10.1 peratus (ST4 2021: 13.4%) kepada RM181,565.

Carta 14: Nilai Jualan Sektor Pembuatan, ST1 2020 - ST1 2022



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Momentum sektor Pembuatan Malaysia dijangka berterusan, disokong terutamanya oleh pembukaan semula sempadan dan permintaan yang kukuh serta dipacu oleh pelbagai bentuk sokongan polisi dan kadar vaksinasi yang lebih tinggi. Walau bagaimanapun, konflik berterusan antara Russia dan Ukraine dan sekatan di China boleh menjelaskan sektor berorientasikan eksport di Malaysia manakala peningkatan kos pengeluaran dan kekurangan bahan juga boleh mempengaruhi prospek pengeluaran tempatan.

Perkhidmatan

Hasil sektor perkhidmatan pada suku tahun pertama 2022 mengukuh kepada 10.4 peratus (ST4 2021: 5.3%) berbanding suku tahun yang sama tahun sebelumnya, dengan nilai RM473.0 bilion. Indeks Volum Perkhidmatan juga meningkat 7.1 peratus kepada 132.3 mata berbanding 3.0 peratus yang dicatatkan pada suku tahun sebelumnya (**Carta 15**).

Carta 15: Hasil dan Indeks Volum Perkhidmatan, Tahun ke Tahun (%), ST1 2018 - ST1 2022




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Dari segi suku tahun ke suku tahun, jumlah hasil sektor Perkhidmatan pada suku tahun pertama 2022 meningkat sebanyak 2.8 peratus, dengan peningkatan sebanyak RM13.0 bilion didorong oleh peningkatan subsektor Perdagangan Borong & Runcit dan Pengangkutan dan Penyimpanan, yang masing-masing meningkat sebanyak 1.9 peratus dan 8.9 peratus. Indeks Volum Perkhidmatan meningkat 3.6 peratus.


Segmen Perdagangan Borong & Runcit, Makanan & Minuman dan Penginapan berkembang sebanyak 9.2 peratus (RM378.7 bilion) berbanding suku tahun yang sama tahun lepas (**Paparan 1**), manakala Indeks Volum meningkat 6.4 peratus pada suku tahun pertama 2022 untuk merekodkan 131.3 mata (**Paparan 2**).

Paparan 1: Hasil Sektor Perkhidmatan mengikut Segmen, Tahun ke Tahun (%), ST1 2021 dan ST1 2022



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

**Paparan 2: Indeks Volum Perkhidmatan (2015=100) mengikut Segmen, Tahun ke Tahun (%),
ST1 2021 dan ST1 2022**



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Subsektor Perdagangan Borong dan Runcit mencatatkan pertumbuhan 8.6 peratus tahun ke tahun kepada RM361.0 bilion pada suku tahun pertama 2022. Bagi prestasi mengikut aktiviti, nilai jualan bagi Kenderaan Bermotor meningkat 13.0 peratus pada suku tahun pertama 2022 berikutan kenaikan nilai jualan bagi Penyelenggaraan dan Pembaikan Kenderaan Bermotor (27.0%) dan Jualan Komponen (Termasuk Alat Ganti) dan Aksesori Kenderaan Bermotor (24.6%). Sementara itu, nilai jualan bagi aktiviti Perdagangan Borong pula meningkat 6.8 peratus kepada RM171.7 bilion, terutamanya disebabkan oleh Jualan Borong Bahan Mentah Pertanian & Haiwan Hidup (16.5%) dan Jualan Borong Berdasarkan Kontrak atau Yuran (4.7%). Nilai jualan bagi aktiviti Perdagangan Runcit meningkat 9.4 peratus kepada RM147.6 bilion.

Hasil subsektor Makanan dan Minuman melonjak kepada 19.9 peratus (RM15.5 bilion) manakala indeks Volum juga merekodkan trend yang positif pada 16.3 peratus untuk mencatatkan 121.4 mata berbanding suku tahun yang sama tahun sebelumnya.

Hasil subsektor Penginapan meningkat 86.1 peratus dengan merekodkan nilai RM2.1 bilion manakala indeks Volum juga mencatatkan kenaikan 85.9 peratus (ST1 2022), susulan kerajaan telah membuka sektor pelancongan tempatan mulai 16 September 2021.

Segmen Maklumat & Komunikasi dan Pengangkutan & Penyimpanan juga menunjukkan peningkatan 16.1 peratus kepada RM69.5 bilion berbanding suku tahun yang sama tahun sebelumnya. Pertambahan hasil dalam segmen ini disumbangkan oleh subsektor Pengangkutan & Penyimpanan yang meningkat sebanyak 32.2 peratus pada suku tahun pertama tahun 2022. Subsektor Maklumat & Komunikasi juga merekodkan peningkatan 6.6 peratus suku tahun ini.

Indeks Volum bagi segmen ini mencatatkan peningkatan sebanyak 12.4 peratus dalam tempoh yang sama. Subsektor Maklumat & Komunikasi mencatatkan kejatuhan 6.0 peratus manakala Pengangkutan & Penyimpanan menunjukkan peningkatan 26.4 peratus.

Segmen Kesihatan Swasta, Pendidikan Swasta dan Kesenian, Hiburan & Rekreasi juga mengalami peningkatan pada suku tahun ini dengan merekodkan nilai hasil RM15.2 bilion (17.3%) berbanding RM12.9 bilion (-23.1%) pada suku tahun yang sama tahun sebelumnya. Ini disebabkan terutamanya oleh subsektor Kesenian, Hiburan & Rekreasi yang meningkat 51.7 peratus pada suku tahun pertama tahun 2022.


Sementara itu, subsektor Pendidikan Swasta pula mencatatkan peningkatan marginal sebanyak 0.9 peratus pada suku tahun pertama 2022, dengan kenaikan 3.0 peratus dalam Indeks Volum. Bagi subsektor Kesihatan pula, hasil meningkat sebanyak 13.7 peratus (ST1 2021: -1.3%) dengan Indeks Volum juga mencatatkan peningkatan sebanyak 13.2 peratus.

Hasil bagi segmen Profesional dan Ejen Hartanah meningkat sebanyak 7.7 peratus tahun ke tahun apabila hasil bagi subsektor Profesional naik 8.1 peratus (RM9.1 bilion) manakala hasil subsektor Ejen Hartanah pula merekodkan peningkatan sebanyak 1.0 peratus.

PERKHIDMATAN

Pendapatan e-dagang Malaysia merekodkan RM278.2 bilion, meningkat 9.3 peratus tahun ke tahun pada suku tahun pertama 2022. Di samping itu, bagi perbandingan suku tahun ke suku tahun, pendapatan e-dagang menurun 4.2 peratus (**Carta 16**).


Carta 16: Pendapatan E-dagang, ST1 2020 - ST1 2022 (RM juta)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Jumlah pekerja dalam sektor ini ialah 3.8 juta orang, naik sebanyak 99.5 ribu orang atau 2.7 peratus tahun-ke-tahun. Kenaikan ini disumbangkan oleh subsektor Perdagangan Borong & Runcit dengan peningkatan sebanyak 72.6 ribu orang atau 3.9 peratus, diikuti subsektor Pengangkutan & Penyimpanan yang meningkat sebanyak 22.9 ribu orang atau 7.2 peratus (**Paparan 3**).

Paparan 3: Bilangan Pekerja Terlibat dalam Sektor Perkhidmatan, Tahun ke Tahun (%), ST1 2021 dan ST1 2022



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia


Pada suku tahun ini, gaji dan upah yang dibayar juga mencatatkan peningkatan sebanyak RM1.2 bilion atau 5.0 peratus tahun ke tahun. Peningkatan ini disumbangkan oleh subsektor Perdagangan Borong & Runcit yang meningkat 6.0 peratus kepada RM13.5 bilion dan diikuti oleh Pengangkutan & Penyimpanan, naik 10.3 peratus kepada RM2.7 bilion.

Imbangan Pembayaran

Ekonomi Malaysia berada pada trajektori pertumbuhan bagi suku tahun pertama 2022 apabila KDNK berkembang sebanyak 5.0 peratus berbanding 3.6 peratus pada suku tahun lepas. Ekonomi negara terus di landasan pemulihan, disokong oleh aktiviti perniagaan yang menggalakkan berikutan kelonggaran penuh langkah pembendungan yang berkaitan prosedur operasi standard COVID-19 ketika Malaysia bersiap sedia untuk memasuki peralihan ke fasa endemik. Lebihan Imbangan Akaun Semasa (CAB) Malaysia pada suku tahun pertama 2022 mengecil kepada RM3.0 bilion, berbanding RM15.3 bilion pada suku tahun sebelumnya (**Carta 17**). Lebihan ini didorong terutamanya oleh eksport bersih akaun Barang.

Akaun barang mencatatkan eksport bersih yang lebih rendah RM40.5 bilion berbanding RM51.8 bilion pada suku tahun keempat tahun lepas disebabkan pertumbuhan import yang mengatasi eksport dalam keadaan permintaan domestik yang lebih kukuh. Eksport barang merosot kepada RM268.9 bilion daripada RM271.3 bilion pada suku tahun lepas, terutamanya disebabkan oleh produk Elektrik & elektronik (E&E), produk berasaskan Petroleum dan Minyak sawit yang mana kebanyakannya disalurkan ke China, Singapore dan USA. Pada masa yang sama, import barang meningkat 4.0 peratus daripada suku tahun sebelumnya kepada RM228.4 bilion dengan import yang lebih tinggi bagi Barang Perantaraan dan Penggunaan yang direkodkan pada suku tahun ini, terutamanya dari China, Singapore dan Taiwan.

Carta 17: Akaun Semasa, 2019 - 2021 dan ST1 2019 - ST1 2022



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Akaun perkhidmatan mencatatkan defisit RM15.0 bilion pada suku tahun ini, lebih rendah berbanding defisit RM15.4 bilion pada suku tahun sebelumnya. Defisit yang lebih rendah ini disumbangkan oleh terimaan yang lebih tinggi dalam perkhidmatan Telekomunikasi, komputer dan maklumat di samping bayaran yang lebih rendah dalam Perkhidmatan perniagaan lain. Berdasarkan perbandingan suku tahun ke suku tahun, kedua-dua eksport dan import Perkhidmatan menunjukkan peningkatan dengan eksport meningkat sebanyak 2.2 peratus kepada RM24.0 bilion, manakala import meningkat sedikit 0.2 peratus kepada RM39.0 bilion. Perkhidmatan pembuatan bagi input fizikal yang dimiliki oleh pihak lain, Penyenggaraan dan pembakaian; dan perkhidmatan Telekomunikasi, komputer dan maklumat merupakan penyumbang utama kepada peningkatan eksport perkhidmatan. Sementara itu, komponen Pengangkutan, Pembinaan dan Perjalanan telah menyumbangkan kepada import yang lebih tinggi dalam perkhidmatan.

Pada jangka masa panjang, akaun Perkhidmatan terus merekodkan defisit sejak suku tahun kedua 2020, disebabkan Perjalanan merupakan komponen yang paling terjejas akibat penutupan sempadan semasa pandemik. Sepanjang tempoh suku tahun pertama 2022, penduduk Malaysia membelanjakan RM4.2 bilion di luar negara, lebih tinggi daripada RM0.2 bilion yang dibelanjakan oleh pelawat asing di Malaysia, menyebabkan defisit sebanyak RM4.0 bilion dalam Perjalanan. Pengangkutan juga mencatatkan defisit yang lebih tinggi sebanyak RM9.2 bilion disebabkan oleh peningkatan bayaran bagi aktiviti pengangkutan, selari dengan import barang. Namun begitu, Perjalanan dan Pengangkutan dijangka untuk bertambah baik dalam beberapa bulan akan datang berikutan kesediaan Malaysia membuka semula sempadannya mulai 1 April 2022 untuk membenarkan aktiviti perjalanan dan pelancongan tanpa kuarantine selepas dua tahun.

SEKTOR LUARAN

Jadual 6: Ringkasan Imbangan Pembayaran, ST4 2021 dan ST1 2022

	ST1 2022	ST4 2021
Imbalan Akaun Semasa	Lebihan RM3.0b	Lebihan RM15.3b
Barangan	Lebihan RM40.5b	Lebihan RM51.8b
Perkhidmatan	Defisit RM15.0b	Defisit RM15.4b
Pendapatan Primer	Defisit RM20.1b	Defisit RM19.6b
Pendapatan Sekunder	Defisit RM2.5b	Defisit RM1.4b
Akaun Kewangan	Aliran Masuk Bersih RM30.4b	Aliran Masuk Bersih RM0.7b
Aset Rizab (pada akhir)	RM485.8b	RM486.8b

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia


Dari segi Akaun Pendapatan, Pendapatan primer merekodkan defisit sebanyak RM20.1 bilion berbanding RM19.6 bilion pada suku tahun sebelumnya (**Jadual 6**). Pada suku tahun pertama, syarikat asing di Malaysia memperoleh pendapatan RM35.5 bilion, jatuh daripada RM56.9 bilion yang dicatatkan pada suku tahun yang lepas, terutamanya daripada sektor Pembuatan dan Perlombongan & pengkuarian. Pendapatan yang diperoleh ini kebanyakannya disalurkan ke USA, Singapore dan Netherlands. Sementara itu, pendapatan oleh syarikat-syarikat Malaysia di luar negara menurun kepada RM15.3 bilion daripada RM37.3 bilion pada suku tahun sebelumnya, terutamanya di Singapore, USA dan Australia dalam bentuk Pelaburan Langsung. Pendapatan ini terutamanya diperoleh melalui sektor Perlombongan & pengkuarian dan aktiviti Kewangan.

Sementara itu, Pendapatan sekunder mencatatkan defisit yang lebih tinggi sebanyak RM2.5 bilion berbanding RM1.4 bilion pada suku tahun sebelumnya. Akaun ini merekodkan penerimaan sebanyak RM5.3 bilion berbanding RM6.4 bilion pada suku tahun keempat tahun 2021, manakala pembayaran kekal pada RM7.8 bilion. Kedua-kedua penerimaan dan pembayaran ini terutamanya dalam bentuk kiriman wang oleh pekerja asing.

Pelaburan

Pada suku tahun pertama 2021, Pelaburan Langsung Asing (FDI) merekodkan aliran masuk bersih yang lebih tinggi sebanyak RM24.4 bilion, mengembang daripada RM18.5 bilion pada suku tahun sebelumnya. Aliran masuk ini terutamanya disumbangkan oleh Ekuiti dan dana pelaburan saham serta aliran masuk yang lebih tinggi dalam instrumen hutang disebabkan oleh penyelesaian yang tinggi pada eksport kredit perdagangan. Eropah memintas Americas sebagai rantau terbesar dalam aliran masuk FDI yang berjumlah sebanyak RM10.9 bilion, terutamanya dari Switzerland pada RM9.2 bilion. Ini kemudiannya diikuti oleh Asia pada RM7.5 bilion dan Americas pada RM5.0 bilion. Sektor Pembuatan menyumbang RM15.4 bilion kepada aliran masuk keseluruhan pada suku tahun kali ini, meningkat daripada RM14.0 bilion pada suku tahun sebelumnya. Ini diikuti oleh sektor Perkhidmatan pada RM7.9 bilion, terutamanya dalam aktiviti Kewangan dan Perlombongan & pengkuarian pada RM0.7 bilion.


Carta 18: Pelaburan Langsung Asing di Malaysia, 2019 - 2021 dan ST1 2019 - ST1 2022



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Sementara itu, Pelaburan Langsung di Luar Negeri (DIA) oleh pelabur Malaysia merekodkan aliran keluar bersih yang lebih rendah sebanyak RM3.6 bilion berbanding RM7.9 bilion pada suku tahun sebelumnya, terutamanya disumbangkan oleh aliran masuk yang lebih tinggi dalam Ekuiti dan dana pelaburan saham serta aliran masuk yang lebih tinggi dalam Instrumen hutang Americas merupakan rantaun terbesar bagi aliran keluar DIA pada suku tahun ini dengan jumlah RM2.8 bilion, terutamanya ke Brazil pada RM1.6 bilion. Ini kemudiannya diikuti oleh Eropah pada RM1.7 bilion dan Afrika pada RM1.2 bilion. Perkhidmatan kekal sebagai sektor penyumbang utama kepada aliran keluar DIA pada suku tahun ini pada RM2.8 bilion terutamanya dalam aktiviti Kewangan dan subsektor Perdagangan borong & runcit, diikuti oleh Pembuatan pada RM2.1 bilion dan Pertanian pada RM1.0 bilion.

Carta 19: Aliran Pelaburan Langsung Luar Negeri (DIA) di Malaysia, ST1 2019 - ST1 2022



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Melangkah ke hadapan, Tinjauan Ekonomi 2022 oleh Kementerian Kewangan (MoF) telah mengunjurkan bahawa CAB Malaysia pada 2022 akan merekodkan lebihan pada RM55.6 bilion, mengekalkan trend lebihan dalam akaun semasa. Unjuran ini meramalkan kepada permintaan serantau bagi barang import yang akan meningkatkan prestasi perdagangan dan terus meningkatkan eksport barang, terutamanya dalam E&E, Minyak sawit, Getah dan produk berasaskan Kimia. Akaun Perjalanan dijangka akan memulih berikutnya pembukaan semula sempadan yang pasti akan menarik kemasukan pengembara antarabangsa, seterusnya akan memacu aktiviti Pelancongan. Bagi prestasi pelaburan Malaysia, FDI dijangka untuk menarik potensi pelaburan baharu daripada USA berjumlah RM14.6 bilion menerusi Misi Pelaburan dan Perdagangan (TIM) oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) selama 10 hari bermula 8 Mei 2022. Tindakan kolektif yang diambil oleh pemain industri dan kerajaan akan terus mendorong ekonomi Malaysia untuk terus berada dalam landasan pemulihan ke arah normal pre-pandemik. Walau bagaimanapun, tinjauan ini masih tertakluk kepada risiko berkaitan kemunculan varian COVID-19 yang membimbangkan, ketegangan geopolitik yang memuncak, turun naik pasaran kewangan global dan gangguan rantaian bekalan, yang secara keseluruhannya menyebabkan pertumbuhan ekonomi yang lebih perlahan.


Perdagangan Barang

Suku tahun pertama (ST1) 2022 menyaksikan pelbagai perkembangan signifikan kesihatan awam dan ekonomi negara apabila kesemua negeri di beralih ke Fasa Empat Pelan Pemulihan Negara (PPN). Meskipun kes harian baharu COVID-19 kembali melonjak hingga mencapai bilangan tertinggi baharu iaitu 31,490 kes pada 8 Mac 2022, Kerajaan kekal optimistik dengan program vaksinasi yang dilaksanakan. Senario ini menyumbang kepada aktiviti ekonomi kembali beroperasi kepada norma sebelum pandemik secara beransur-ansur. Seiring perkembangan tersebut, perdagangan barang Malaysia meneruskan prestasi dua angka pada ST1 2022 dengan jumlah perdagangan bertumbuh 23.6 peratus kepada RM624.9 bilion daripada RM505.7 bilion pada ST1 2021. Eksport meningkat 22.2 peratus kepada RM345.0 bilion, manakala import meningkat 25.2 peratus kepada RM279.9 bilion. Imbangan perdagangan merekodkan lebih RM65.1 bilion dengan peningkatan 10.9 peratus berbanding tempoh yang sama tahun lalu. Berdasarkan suku tahun ke suku tahun, import dan jumlah dagangan masing-masing meningkat secara marginal 2.1 peratus dan 0.02 peratus, manakala eksport dan imbangan dagangan masing-masing menyusut 1.6 peratus dan 14.6 peratus. Secara bulanan, eksport meningkat pada Januari (+23.9%), Februari (+16.8%) dan Mac (+25.4%) 2022 berbanding bulan yang sama pada 2021. Di samping itu, import juga menunjukkan trend yang sama dengan masing-masing bertumbuh 26.7 peratus, 18.3 peratus dan 29.9 peratus.

Pertumbuhan eksport disumbangkan terutamanya oleh kenaikan eksport barang ke Singapore yang meningkat RM9.1 bilion, diikuti oleh China (+RM8.1 bilion), European Union (E.U.) (+RM4.4 bilion), Republic of Korea (+RM3.8 bilion) dan Japan (+RM3.7 bilion). Sementara itu, kenaikan import pula dipacu oleh peningkatan import dari China (+RM10.8 bilion), diikuti oleh Singapore (+RM6.1 bilion), Taiwan (+RM5.5 bilion), Indonesia (+RM4.7 bilion) dan United States of America (USA) (+RM3.9 bilion). Perdagangan Malaysia pada ST1 2022 adalah terutamanya dengan China, Singapore, USA dan E.U. dengan jumlah sumbangan 47.2 peratus (ST1 2021: 48.7%).

Eksport barang Malaysia mengekalkan momentum positif pada ST1 2022 dengan peningkatan 22.2 peratus kepada RM345.0 bilion daripada RM282.2 bilion pada ST1 2021. Kenaikan ini dipacu oleh peningkatan berterusan eksport Barangan elektrik & elektronik (E&E) (+RM29.4 bilion, +27.2%), Minyak kelapa sawit & dan hasil keluaran berasaskan minyak kelapa sawit (+RM12.4 bilion, +64.4%) dan Keluaran petroleum bertapis (+RM6.4 bilion, +45.5%) seperti di **Carta 20**. Namun, eksport Sarung tangan getah masih terus mengekalkan trend penguncupan dengan penurunan 66.2 peratus kepada RM6.0 bilion daripada RM17.9 bilion pada ST1 2021. Barang E&E, Minyak kelapa sawit & hasil keluaran berasaskan minyak kelapa sawit dan Keluaran petroleum bertapis merupakan produk eksport utama Malaysia pada ST1 2022 dengan sumbangan agregat 55.0 peratus (ST1 2021: 50.1%).


Carta 20: Perubahan Peratusan Tahunan Eksport Malaysia mengikut 10 Barang Utama dan Terpilih (%), ST1 2022



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Import Malaysia terus mengekalkan pertumbuhan dua digit pada ST1 2022, dengan mencatatkan pertumbuhan 25.2 peratus tahun ke tahun kepada RM279.9 bilion (ST1 2021: RM223.5 bilion). Peningkatan import ditunjangi oleh Barang E&E (+RM18.0 bilion, +25.9%), Keluaran petroleum bertapis (+RM6.0 bilion, +36.6%) dan Jentera & kelengkapan khusus untuk industri tertentu & alat ganti (+RM2.4 bilion, +79.0%) seperti di **Carta 21**. Pertumbuhan ketara Petroleum mentah turut menyumbang kepada kenaikan import dengan mencatatkan 264.0 meningkat kepada RM8.6 bilion daripada RM2.4 bilion pada ST1 2021. Sementara itu, Emas, bukan bentuk wang kembali menunjukkan trend negatif pada ST1 2022 (-RM4.3 bilion, -58.4%). Pada suku tahun ini, barang E&E, Keluaran petroleum bertapis dan Petroleum mentah menjadi penyumbang utama kepada import barang Malaysia dengan sumbangan kumulatif 42.5 peratus (ST1 2021: 39.5%).


Carta 21: Perubahan Peratusan Tahunan Import Malaysia mengikut 10 Barang Utama dan Terpilih (%), ST1 2022



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Eksport dan import oleh rakan dagangan utama terus menunjukkan peningkatan pada ST1 2022 seperti di **Carta 22**.

Carta 22: Perubahan Peratusan Tahunan Eksport dan Import bagi 10 Rakan Dagangan Utama Malaysia (%), ST1 2022



Sumber: Laman web rasmi agensi statistik negara terpilih

SEKTOR LUARAN


Statistik perdagangan antarabangsa mengikut negeri bagi ST1 2022 menunjukkan jumlah dagangan meningkat sebanyak 23.6 peratus tahun ke tahun kepada RM624.9 bilion disumbangkan oleh prestasi yang memberangsangkan terutamanya Pulau Pinang meningkat RM31.8 bilion (+22.8%), diikuti oleh Johor RM21.1 bilion (+21.4%), Selangor RM17.6 bilion (+14.6%), Sarawak RM14.0 bilion (+66.2%), Kedah RM11.6 bilion (+57.2%), W.P. Kuala Lumpur RM6.9 bilion (+26.3%), Sabah RM4.4 bilion (+55.1%), W.P. Labuan RM3.7 bilion (+192.7%), Pahang RM3.2 bilion (+27.9%), Negeri Sembilan RM3.0 bilion (+23.5%), Melaka RM1.9 bilion (+12.5%), Terengganu RM229.6 juta (+4.1%) dan Perlis RM133.5 juta (+27.6%). Walau bagaimanapun, penurunan jumlah dagangan direkodkan di Perak RM1.7 bilion (-8.9%) dan Kelantan RM538.6 juta (-28.1%) seperti di **Paparan 4**.

Berbanding tempoh yang sama tahun lalu jumlah eksport meningkat sebanyak RM62.8 bilion atau 22.2 peratus kepada RM345.0 bilion. Peningkatan didorong oleh eksport yang lebih tinggi terutamanya oleh Pulau Pinang (+RM20.3 bilion), Johor (+RM11.6 bilion), Sarawak (+RM10.7 bilion), Selangor (+RM7.4 bilion), Kedah (+RM6.1 bilion), Sabah (+RM3.9 bilion), W.P. Labuan (+RM3.6 bilion), W.P. Kuala Lumpur (+RM3.0 bilion), Pahang (+RM810.6 juta) dan Perlis (+RM66.7 juta). Walau bagaimanapun, eksport menyusut di Melaka (-RM2.0 bilion), Perak (-RM1.8 bilion), Terengganu (-RM352.4 juta), Kelantan (-RM210.1 juta) dan Negeri Sembilan (-RM10.2 juta).

Pada masa yang sama, import meningkat sebanyak RM56.4 bilion atau 25.2 peratus kepada RM279.9 bilion. Peningkatan import yang lebih tinggi disebabkan oleh import dari Pulau Pinang (+RM11.5 bilion), Selangor (+RM10.2 bilion), Johor (+RM9.6 bilion), Kedah (+RM5.5 bilion), Melaka (+RM4.0 bilion), W.P. Kuala Lumpur (+RM3.9 bilion), Sarawak (+RM3.4 bilion), Negeri Sembilan (+RM3.1 bilion), Pahang (+RM2.4 bilion), Terengganu (+RM582.1 juta), Sabah (+RM478.5 juta), Perak (+RM157.9 juta), Perlis (+RM66.8 juta) dan W.P. Labuan (+RM65.5 juta). Walau bagaimanapun, import menyusut di Kelantan (-RM328.5 juta).

Lima negeri kekal menguasai eksport negara dengan menyumbang 80.6 peratus daripada jumlah eksport. Pulau Pinang kekal sebagai pengeksport utama dengan sumbangan 30.8 peratus, diikuti oleh Johor (19.0%), Selangor (18.7%), Sarawak (7.8%) dan Kedah (4.3%). Sementara itu, bagi import, Selangor kekal sebagai penyumbang utama dengan 26.3 peratus, diikuti oleh Pulau Pinang (23.3%), Johor (19.4%), W.P. Kuala Lumpur (6.9%) dan Kedah (6.1%).

Paparan 4: Eksport dan Import mengikut Negeri, ST1 2021 dan ST1 2022



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Nota:

1. Aktiviti eksport dan import yang berlaku di kawasan Supra (merangkumi aktiviti pengeluaran yang melangkaui pusat kepentingan ekonomi utama bagi mana-mana negeri) atau perikraran yang dilakukan oleh ejen penghantar tidak termasuk dalam infografik ini.
2. Nilai eksport dan import bagi W.P. Kuala Lumpur adalah termasuk W.P. Putrajaya.

Malaysia endemik bermula 1 April 2022 yang merangkumi kelonggaran sekatan waktu operasi premis perniagaan dan pembukaan semula sempadan negara. Perkembangan positif ini disambut baik oleh para peniaga dalam merancakkan lagi aktiviti ekonomi domestik. Justeru, jumlah perdagangan Malaysia mengekalkan momentum dua angka pada April 2022, berkembang 21.3 peratus kepada RM231.4 bilion berbanding RM190.8 bilion yang direkodkan pada April 2021. Pada masa yang sama, eksport bertambah 20.7 peratus kepada RM127.5 bilion, manakala import bertumbuh 22.0 peratus kepada RM103.9 bilion. Pada bulan tersebut, nilai dagangan kekal dengan lebihan pada RM23.5 bilion, meningkat 15.7 peratus daripada tahun sebelumnya. Berbanding Mac 2022, eksport, import, jumlah dagangan dan imbangan dagangan masing-masing merosot 3.1 peratus, 0.9 peratus, 2.1 dan 11.6 peratus.

Berkuatkuasa 1 Mei 2022, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)¹ telah menyemak semula beberapa prosedur operasi standard (SOP) berkaitan COVID-19 termasuk melonggarkan pemakaian pelitup muka di luar bangunan dan kawasan terbuka, pemansuhan penjarakan fizikal dan daftar masuk MySejahtera serta membenarkan kemasukan ke premis tanpa mengira status vaksinasi. Pada masa yang sama, ujian pengesahan COVID-19 sebelum pelepasan dan semasa tiba di Malaysia tidak lagi diperlukan untuk pengembara yang telah lengkap divaksinasi dan kanak-kanak berumur 12 tahun ke bawah. Lebih banyak kelonggaran prosedur ini ditambah dengan perayaan Aidil Fitri yang turut jatuh pada bulan tersebut dijangka akan merancakkan aktiviti sosial dalam kalangan masyarakat terutamanya pada musim dan seterusnya memberi kesan positif kepada perkembangan ekonomi. Namun, pelaksanaan dasar monetari yang lebih ketat oleh USA bagi menekan peningkatan inflasi baru-baru ini perlu diwaspada kesannya kepada pertumbuhan ekonomi Malaysia.

Nota: Artikel ini merujuk kepada statistik awalan daripada penerbitan bulan rujukan.

¹ <https://www.mkn.gov.my/web/ms/2022/04/27/kelonggaran-sop-covid-19-mulai-1-mei-2022/>

SENARIO BURUH

Senario Buruh

Pada awal 2022, semua negeri telah beralih ke Fasa 4 Pelan Pemulihan Nasional (PPN) yang seterusnya membolehkan perniagaan beroperasi pada kapasiti penuh dan waktu perniagaan yang lebih panjang. Walau bagaimanapun, kes harian baharu COVID-19 terus meningkat pada suku tahun pertama (ST1) 2022 berikutan penularan varian Omicron, namun begitu, jumlah kematian menurun. Situasi ini memberi keyakinan kepada negara untuk membuka ekonomi secara berterusan dengan memastikan pematuhan kepada Prosedur Operasi Standard (SOP).


Selepas lebih dua tahun memerangi pandemik COVID-19, Malaysia telah mengumumkan fasa peralihan ke endemik bermula 1 April 2022. Lanjutan daripada itu, pelbagai kelonggaran SOP turut dilaksanakan termasuk pembukaan semula sempadan negara, sekatan waktu operasi perniagaan dan had kapasiti pekerja berdasarkan perlindungan vaksinasi telah dimansuhkan, serta kebenaran untuk menunaikan solat berjemaah tanpa penjarakan fizikal. Agensi pelancongan telah mula mempromosi pakej mereka sebaik sahaja pengumuman pembukaan semula sempadan negara dibuat. Situasi yang menggalakkan ini menyumbang kepada peningkatan permintaan buruh bagi menampung keperluan operasi, sekali gus membolehkan lebih banyak peluang pekerjaan dicipta dalam selaras pertumbuhan perniagaan dan pemulihran ekonomi.

Penawaran Buruh

Penawaran buruh Malaysia terus kukuh pada ST1 2022, penduduk bekerja bertambah 338.4 ribu orang (+2.2%) kepada 15.57 juta orang berbanding suku tahun yang sama tahun sebelumnya (ST1 2021: 15.24 juta orang). Begitu juga dengan perbandingan suku tahun ke suku tahun, penduduk bekerja meningkat 134.2 ribu orang berbanding 15.44 juta orang pada suku tahun sebelumnya.

Melihat kepada keupayaan ekonomi untuk mewujudkan guna tenaga, nisbah guna tenaga kepada penduduk pada ST1 2022 meningkat 0.9 mata peratus kepada 66.2 peratus berbanding 65.3 peratus pada ST1 2021. Perbandingan suku tahunan, nisbah guna tenaga kepada penduduk meningkat 0.5 mata peratus (ST4 2021: 65.7%) seperti ditunjukkan di **Carta 23**.

Carta 23: Penduduk Bekerja dan Nisbah Guna Tenaga kepada Penduduk, ST1 2020 - ST1 2022




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Operasi aktiviti perniagaan yang berterusan pada suku tahun ini telah menyumbang kepada pengurangan bilangan penduduk bekerja kurang daripada 30 jam seminggu, menyusut 105.6 ribu orang (-23.9%) berbanding ST1 2021 kepada 336.3 ribu orang. Bilangan ini juga berkurangan 57.5 ribu orang berbanding suku tahun sebelumnya. Peratus sumbangan penduduk bekerja kurang daripada 30 jam seminggu adalah 2.2 peratus pada suku tahun ini.

Sementara itu, penduduk yang bekerja kurang daripada 30 jam seminggu serta mampu dan sanggup untuk menerima tambahan jam bekerja, yang juga dikenali sebagai guna tenaga tidak penuh berkaitan masa menurun 65.5 ribu orang tahun ke tahun kepada 245.1 ribu orang, mencatatkan kadar guna tenaga tidak penuh berkaitan masa sebanyak 1.6 peratus. Bilangan guna tenaga tidak penuh berkaitan masa juga berkurang 48.0 ribu orang berbanding suku tahun keempat (ST4) 2021 (**Carta 24**).


Carta 24: Penduduk Bekerja Kurang dari 30 Jam Seminggu dan Guna Tenaga Tidak Penuh Berkaitan Masa, ST1 2020 - ST1 2022



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Dari segi guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran yang terdiri daripada penduduk bekerja berpendidikan tertiar namun bekerja dalam kategori pekerjaan separuh mahir dan berkemahiran rendah menurun tahun ke tahun dan suku tahun ke suku tahun masing-masing 89.8 ribu orang (-4.7%) dan 28.2 ribu orang (-1.5%) untuk mencatatkan 1.81 juta orang pada ST1 2022. Sementara itu, peratus sumbangan guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran kepada penduduk bekerja berpendidikan tertiar mencatatkan sumbangan 36.9 peratus pada suku tahun ini seperti ditunjukkan di **Carta 25**.

Carta 25: Guna Tenaga Tidak Penuh Berkaitan Kemahiran, ST1 2020 - ST1 2022




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pada ST1 2022, bilangan penganggur menyusut 100.6 ribu orang kepada 671.2 ribu orang berbanding suku yang sama tahun sebelumnya (ST1 2021: 771.8 ribu orang) manakala kadar pengangguran jatuh daripada 4.8 peratus kepada 4.1 peratus. Jika dibandingkan dengan suku tahun sebelumnya, bilangan penganggur menurun 3.3 peratus atau 23.2 ribu orang daripada 694.4 ribu orang. Sementara itu, kadar pengangguran turun 0.2 mata peratus berbanding 4.3 peratus pada ST4 2021.

SENARIO BURUH

Melihat kepada kadar pengangguran belia berumur 15 hingga 24 tahun, kadar tersebut jatuh tahun ke tahun 1.0 mata peratus dan 0.6 mata peratus suku tahun ke suku tahun bagi mencatatkan 11.1 peratus pada suku tahun ini seperti ditunjukkan di **Carta 26**.

Carta 26: Penganggur dan Kadar Pengangguran, ST1 2020 - ST1 2022




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Penawaran Buruh

Berdasarkan *International Labour Organization* (ILO), statistik permintaan buruh merujuk kepada pengguna dan penggunaan input buruh. Berdasarkan Survei Guna Tenaga Suku Tahunan, pada ST1 2022, jumlah jawatan di sektor swasta meningkat 148.5 ribu jawatan kepada 8.57 juta jawatan (ST1 2021: 8.42 juta jawatan) memandangkan perniagaan terus beroperasi semasa fasa PPN. Berdasarkan prestasi suku tahun ke suku tahun, bilangan jawatan meningkat 41.4 ribu jawatan berbanding 8.53 juta jawatan pada ST4 2021.

Kadar jawatan diisi menunjukkan penurunan kecil 0.1 mata peratus kepada 97.8 peratus berbanding suku tahun yang sama tahun sebelumnya (ST1 2021: 97.9%), manakala 2.2 peratus lagi masih belum diisi. Namun begitu, pada asas suku tahunan, kadar jawatan diisi dan kekosongan jawatan kekal tidak berubah berbanding suku tahun sebelumnya seperti ditunjukkan di **Carta 27**.


Carta 27: Jawatan dan Kadar Jawatan Diisi & Kekosongan Jawatan, ST1 2020 - ST1 2022



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Sejajar dengan peningkatan dalam jumlah jawatan, bilangan jawatan yang diisi meningkat tahun ke tahun 142.1 ribu jawatan manakala pada asas suku tahunan bertambah 40.7 ribu jawatan bagi mencatatkan 8.39 juta jawatan pada ST1 2022. Peningkatan tahun ke tahun disumbang oleh sektor Pembuatan dan Perkhidmatan dengan pertumbuhan masing-masing 3.6 peratus dan 1.9 peratus. Dari segi kategori kemahiran, jawatan diisi sebahagian besarnya adalah dalam kategori separuh mahir mencatatkan 5.24 juta jawatan atau 62.5 peratus, diikuti oleh mahir (24.7%) dan berkemahiran rendah (12.8%) seperti ditunjukkan di **Carta 28**.


Carta 28: Jawatan Diisi mengikut Kemahiran, ST1 2020 - ST1 2022



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Trend yang sama dapat dilihat pada bilangan kekosongan jawatan yang telah melepas paras tahunan (ST1 2021: 177.9 ribu jawatan; +3.6%) dan suku tahunan (ST4 2021: 183.6 ribu jawatan; +0.4%) bagi mencatatkan 184.3 ribu kekosongan jawatan pada suku tahun ini. Lebih separuh daripada kekosongan jawatan adalah dalam sektor Pembuatan dengan sumbangan 57.6 peratus, sebahagian besarnya dalam subsektor Produk elektrik, elektronik dan optikal dan diikuti oleh Produk petroleum, kimia, getah dan plastik. Kategori separuh mahir menyumbang 55.4 peratus atau 102.2 ribu kekosongan jawatan, diikuti oleh mahir (24.3%) dan berkemahiran rendah (20.3%) seperti ditunjukkan di **Carta 29**.

Carta 29: Kekosongan Jawatan mengikut Kemahiran, ST1 2020 - ST1 2022




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pada suku tahun ini, bilangan pewujudan jawatan telah meningkat kepada 25.84 ribu jawatan, rekod tertinggi yang dicatatkan dalam tempoh pandemik dan pada masa yang sama melepas paras pra-pandemik. Bilangan pewujudan jawatan meningkat tahun ke tahun dan suku tahun ke suku tahun masing-masing 8.46 ribu jawatan dan 4.95 ribu jawatan. Pewujudan jawatan kebanyakannya dalam sektor Perkhidmatan dengan peratus sumbangan 47.6 peratus atau 12.29 ribu jawatan, terutamanya dalam subsektor Perdagangan borong dan runcit. Sementara itu, sektor Pembuatan menduduki tempat kedua merangkumi 33.3 peratus, diikuti oleh Pembinaan (12.9%), Pertanian (5.8%) dan Perlombongan & pengkuarian (0.4%). Majoriti pewujudan jawatan adalah dalam kategori separuh mahir yang terdiri daripada 58.9 peratus (15.23 ribu jawatan) manakala kategori mahir merangkumi 31.1 peratus seperti ditunjukkan di **Carta 30**.

SENARIO BURUH

Carta 30: Pewujudan Jawatan mengikut Kemahiran, ST1 2020 - ST1 2022




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Produktiviti Buruh

Produktiviti buruh Malaysia digambarkan sebagai nisbah nilai ditambah per pekerja meningkat tahun ke tahun 2.7 peratus pada ST1 2022 berbanding 1.7 peratus pada ST4 2021 bagi merekodkan RM23,129 per pekerja. Jumlah pekerja meningkat 2.2 peratus pada suku tahun ini selepas peningkatan 1.8 peratus pada suku tahun sebelumnya seperti ditunjukkan di **Carta 31**.

Dari segi aktiviti ekonomi, semua sektor menunjukkan trend tahun ke tahun yang sama seperti suku tahun sebelumnya. Tiga sektor iaitu Perkhidmatan, Pembuatan, dan Pertanian menunjukkan pertumbuhan positif pada suku tahun ini masing-masing dengan 3.6 peratus (ST4 2021: +1.1%), 2.8 peratus (ST4 2021: +5.3%) dan 1.0 peratus (ST4 2021: +2.9%). Sebaliknya, dalam tempoh yang sama, sektor Pembinaan dan Perlombongan & pengkuarian kekal dalam trend menurun, namun memulih daripada penurunan dua angka. Sektor Pembinaan pulih kepada negatif 5.5 peratus (ST4 2021: -11.2%) manakala Perlombongan & pengkuarian mencatatkan penurunan 3.6 peratus (ST4 2021: -10.5%).

Carta 31: Produktiviti Buruh per Pekerja, ST1 2020 - ST1 2022




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Sementara itu, produktiviti buruh yang diukur sebagai nilai ditambah per jam bekerja mencatatkan peningkatan yang lebih perlahan dengan pertumbuhan 0.3 peratus merekodkan RM40.30 per jam pada ST1 2022. Pada suku tahun yang sama, jumlah jam bekerja meningkat pada kadar yang lebih pantas 4.6 peratus, berbanding kenaikan 2.3 peratus pada ST4 2021 seperti ditunjukkan di **Carta 32**.

Analisis terperinci mengikut sektor ekonomi menunjukkan semua sektor mencatatkan trend menurun pada suku tahun ini kecuali sektor Perkhidmatan. Sektor Pembinaan dan Perlombongan & pengkuarian kekalerosot masing-masing 8.2 peratus (ST4 2021: -11.0%) dan 4.8 peratus (ST4 2021: -9.1%) manakala sektor Pertanian dan Pembuatan jatuh pada suku tahun ini masing-masing 0.2 peratus (ST4 2021: +1.7%) dan 0.1 peratus (ST4 2021: +4.6%). Satu-satunya sektor yang kekal dalam trend menaik iaitu sektor Perkhidmatan mencatatkan peningkatan 1.2 peratus berbanding 0.8 peratus pada ST4 2021.

Carta 32: Produktiviti Buruh per Jam Bekerja, ST1 2020 - ST1 2022



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Keadaan pasaran buruh terus pulih pada suku tahun ini, yang dapat dilihat melalui peningkatan yang direkodkan oleh penawaran dan permintaan buruh. Ini disokong oleh peningkatan nisbah guna tenaga kepada penduduk selaras dengan peningkatan pewujudan jawatan yang telah melepas paras pra-pandemik yang mencatatkan secara purata 25.0 ribu pewujudan jawatan pada suku tahun ini. Di samping itu, bilangan penganggur menurun secara konsisten selama tiga suku tahun berturut-turut, mencatatkan kadar pengangguran 4.1 peratus, terendah sejak suku tahun kedua (ST2) 2020. Tambahan pula, jumlah jawatan yang terdiri daripada jawatan diisi dan kekosongan jawatan meningkat secara konsisten sejak suku tahun ketiga (ST3) 2021 menunjukkan bahawa perniagaan semakin yakin untuk mencipta pekerjaan. Berikutan waktu operasi perniagaan yang lebih lama pada suku tahun ini, produktiviti buruh per jam bekerja meningkat 0.3 peratus dengan peningkatan dalam jumlah jam bekerja.

Pemulihan ekonomi yang lebih mampan semasa pada awal 2022 didorong oleh aktiviti ekonomi yang menggalakkan dengan lebih banyak aktiviti ekonomi dan perniagaan dibenarkan beroperasi pada kapasiti penuh telah membawa kepada penciptaan lebih banyak permintaan buruh dalam pasaran. Khususnya, fasa peralihan kepada endemik serta pelonggaran beberapa lagi sekatan, termasuk pembukaan semula sempadan negara dijangka mempercepatkan momentum pemulihan serta mempergiatkan semula ekonomi. Pengumuman oleh Perdana Menteri pada 19 Mac 2022 berkaitan pelaksanaan gaji minimum negara RM1,500 sebulan bermula 1 Mei 2022 juga akan menarik pekerja berpotensi yang mungkin cenderung kepada ekonomi gig sekaligus meningkatkan pasaran buruh. Oleh itu, keadaan ini dijangka membawa lebih banyak impak positif kepada industri terjejas terutamanya aktiviti berkaitan pelancongan yang mampu mengatasi isu berkaitan pasaran buruh, antara lain kekurangan tenaga kerja dalam industri tertentu seperti Perladangan dan Pembinaan. Selain itu, krisis Ukraine-Rusia dan larangan Indonesia terhadap eksport minyak sawit mentah dan minyak masak telah menyebabkan kenaikan harga komoditi. Pembukaan semula sempadan negara dijangka mempergiatkan semula industri pelancongan dan memberi manfaat kepada sektor Pertanian Malaysia terutamanya dalam industri kelapa sawit dengan meminimumkan kekurangan pekerja asing.


Indeks Harga Pengguna

Inflasi makanan kekal menjadi penyumbang utama kepada inflasi negara. Walaupun begitu, penetapan harga siling runcit bagi ayam standard dan telur gred A, B dan C telah dikenakan bermula 5 Februari hingga 5 Jun 2022. Pemberian subsidi juga telah diperuntukkan kepada penternak ayam sebanyak 60 sen per kilogram dan lima sen sebiji untuk semua gred telur ayam. Tujuan subsidi ini adalah untuk meringankan beban kewangan penternak susulan daripada peningkatan kos bahan terutamanya kos makanan ternakan yang meliputi 70 peratus daripada kos pengeluaran, tidak termasuk, kos logistik, pekerja buruh, utiliti dan ubat-ubatan.

Inflasi negara meningkat 2.2 peratus kepada 125.6 pada Mac 2022 berbanding 122.9 pada bulan yang sama tahun sebelumnya. Peningkatan ini adalah mele过si purata kadar inflasi Malaysia dari 2011 hingga Mac 2022 (1.9%). Peningkatan inflasi ini telah didorong terutamanya oleh kenaikan dalam kumpulan Makanan & Minuman Bukan Alkohol (4.0%) berbanding bulan yang sama tahun sebelumnya. Sayur-sayuran sedikit sebanyak menyumbang kepada peningkatan inflasi makanan berikutan kenaikan global harga racun dan baja. Konflik antara Russia dan Ukraine dijangka memburukkan lagi keadaan dengan mengakibatkan peningkatan harga baja sekaligus membawa kepada kos pengeluaran yang lebih tinggi.


Sementara itu, Hiasan, Perkakasan & Penyelenggaraan Isi Rumah meningkat 3.0 peratus. Ini diikuti oleh Restoran & Hotel (2.9%); Pengangkutan (2.6%), Pelbagai Barang & Perkhidmatan (1.9%) dan Perkhidmatan Rekreasi & Kebudayaan (1.1%). Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan Api lain dan Pendidikan masing-masing meningkat sebanyak 0.9 peratus, manakala Minuman Alkohol & Tembakau dan Kesihatan meningkat sedikit sebanyak 0.5 peratus dan 0.2 peratus. Komunikasi kekal tidak berubah, manakala Pakaian & Kasut menurun 0.3 peratus berbanding bulan yang sama tahun sebelumnya (**Carta 33**).

Carta 33: IHP Keseluruhan, Pengangkutan dan Makanan & Minuman Bukan Alkohol, Tahun ke Tahun (%), Mac 2021 - Mac 2022



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Kumpulan Pengangkutan meningkat sederhana 2.6 peratus berikutan kesan asas penetapan harga siling Petrol Tanpa Plumbum RON95 (RM2.05 seliter) dan Diesel (RM2.15 seliter) yang bermula Mac 2021 dan berakhir pada Februari 2022. Namun begitu, purata harga Petrol Tanpa Plumbum RON97 mencatatkan kenaikan harga tertinggi RM3.73 seliter berbanding RM2.42 seliter pada bulan yang sama tahun lalu. Harga minyak mentah Brent juga mencatatkan peningkatan sebanyak 77.3 peratus kepada \$US115.59 setong pada Mac 2022. Pencerobohan Russia ke atas Ukraine mengakibatkan pelonjakan harga minyak global (**Carta 34**).

Carta 34: Purata Harga Bahan Api, Mac 2021 - Mac 2022


Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Makanan & Minuman Bukan Alkohol yang merupakan komponen terbesar perbelanjaan isi rumah menunjukkan peningkatan ketara berbanding bulan sebelumnya. Kumpulan ini yang mana menyumbang 29.5 peratus daripada keseluruhan wajarnya IHP meningkat sebanyak 4.0 peratus pada Mac 2022, berbanding bulan yang sama tahun sebelumnya. Peningkatan ini disebabkan terutamanya oleh lonjakan dalam komponen Makanan di luar rumah yang meningkat 4.0 peratus pada Mac 2022 berbanding 3.6 peratus pada Februari 2022. Sementara itu, Makanan di rumah mencatatkan peningkatan tahun ke tahun sebanyak 4.3 peratus.


Jadual 7: Perubahan Peratus Subkumpulan Makanan & Minuman Bukan Alkohol, Tahun ke Tahun (%), Mac 2022

Kumpulan Utama	Wajaran	Tahun ke Tahun (%) Mac 2022
Makanan & Minuman Bukan Alkohol	29.5	4.0
Makanan	28.4	4.2
Makanan Di Rumah	16.9	4.3
Beras, Roti & Bijirin Lain	3.5	2.2
Daging	2.5	7.6
Ikan & Makanan Laut	4.0	4.1
Susu, Keju & Telur	1.5	7.0
Minyak & Lemak	0.6	3.4
Buah-buahan	1.2	1.5
Sayur-sayuran	2.1	5.1
Gula, Jem, Madu, Coklat & Manisan	0.6	2.0
Keluaran Makanan t.t.l.	1.0	3.0
Makanan Di Luar Rumah	11.5	4.0
Kopi, Teh, Koko & Minuman Bukan Alkohol	1.1	1.0

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Sementara itu, IHP bagi suku tahun pertama 2022 meningkat 2.2 peratus kepada 125.2 berbanding 122.5 pada suku tahun yang sama tahun sebelumnya. Bagi suku tahunan pula, IHP meningkat dengan kadar perlahan 0.9 peratus berbanding suku tahun keempat 2021 (1.2%). Prestasi suku tahun pertama 2022 masih dipengaruhi oleh penetapan harga siling Petrol Tanpa Plumbum RON95 dan Diesel serta peningkatan harga ayam yang menunjukkan melebihi purata harga ayam 2021.

Carta 35: Indeks Harga Pengguna, Tahun ke Tahun (%), ST1 2021 - ST1 2022



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Dari segi perbandingan bulanan, IHP meningkat 0.3 peratus berbanding Februari 2022. Peningkatan ini disumbangkan oleh Pengangkutan (1.1%) dan Pelbagai Barang & Perkhidmatan (0.6%). Hiasan, Perkakasan & Penyelenggaraan Isi Rumah dan Restoran & Hotel kedua-duanya mencatatkan peningkatan sebanyak 0.4 peratus, manakala Makanan & Minuman Bukan Alkohol dan Minuman Alkohol & Tembakau mencatatkan peningkatan sedikit 0.3 peratus dan 0.2 peratus.

Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) yang diperkenalkan oleh kerajaan sempena sambutan Hari Raya dijangka dapat mengurangkan inflasi makanan pada April namun ancaman inflasi kekal berikut faktor luar yang tidak dijangka seperti kemarau.

Indeks Harga Pengeluar (IHPR) Pengeluaran Tempatan

Indeks Harga Pengeluar (IHPR) bagi pengeluaran tempatan yang mengukur kos barang di pintu kilang mencatatkan peningkatan dua digit buat kali pertama tahun ini pada Mac 2022, meningkat sebanyak 11.6 peratus berbanding 9.7 peratus pada Februari 2022. Indeks Perlombongan meningkat 28.2 peratus pada Mac 2022, berbanding 23.3 peratus pada Februari 2022, menyumbang kepada peningkatan dalam IHPR pengeluaran tempatan. Indeks Pertanian, perhutanan & perikanan melonjak 24.9 peratus (Februari 2022: 17.7%) didorong terutamanya oleh kenaikan indeks bagi Penanaman tanaman kekal (33.4%), Perikanan (6.5%) dan Pengeluaran ternakan (5.5%). Pada masa yang sama, indeks Pembuatan meningkat 8.9 peratus berbanding 7.9 peratus direkodkan pada Februari 2022, disokong oleh kenaikan dalam indeks subsektor iaitu Pembuatan produk petroleum bertapis (22.7%), Pembuatan minyak & lemak daripada sayuran & haiwan (20.8%) dan Pembuatan kimia asas, baja & sebatian nitrogen, plastik & getah sintetik dalam bentuk primer (13.3%). Sementara itu, indeks Bekalan air dan Bekalan elektrik & gas masing-masing meningkat 1.7 peratus dan 0.2 peratus.


Perbandingan bulan ke bulan, IHPR pengeluaran tempatan meningkat 2.4 peratus berbanding peningkatan 2.0 peratus yang dicatatkan pada bulan sebelumnya. Kenaikan ini disumbangkan oleh peningkatan 8.6 peratus dalam indeks Pertanian, perhutanan & perikanan (Februari 2022: 6.9%), disokong oleh kenaikan 12.7 peratus dalam harga buah tandan segar kelapa sawit. Pada Mac 2022, harga Minyak mentah dan Gas asli terus meningkat, menyumbang kepada peningkatan 5.0 peratus dalam indeks Perlombongan. Indeks Pembuatan naik 1.5 peratus (Februari 2022: 1.3%), disumbangkan oleh kenaikan dalam indeks subsektor Pembuatan minyak & lemak daripada sayuran & haiwan (3.7%), Pembuatan produk petroleum bertapis (2.9%) dan Pembuatan komponen & papan elektronik (0.5%). Sementara itu, indeks Bekalan elektrik & gas dan Bekalan air masing-masing meningkat 0.2 peratus dan 0.1 peratus (**Jadual 8**).

Jadual 8: Indeks Harga Pengeluar (IHPR) Pengeluaran Tempatan mengikut Sektor, Malaysia

Sektor	Kod	Wajaran	Indeks	Perubahan Peratus (%)						
				Tahun ke Tahun			Bulan ke Bulan			
				Mac 2022	Mac 2021	Feb 2022	Mac 2022	Mac 2021	Feb 2022	Mac 2022
JUMLAH		100.00	122.3	6.7	9.7	11.6	0.7	2.0	2.4	
Pertanian, perhutanan & perikanan	A	6.73	178.7	41.1	17.7	24.9	2.3	6.9	8.6	
Perlombongan	B	7.93	109.0	32.0	23.3	28.2	1.0	3.6	5.0	
Pembuatan	C	81.57	118.9	2.2	7.9	8.9	0.6	1.3	1.5	
Bekalan elektrik & gas	D	3.44	117.0	-1.4	0.8	0.2	0.8	0.2	0.2	
Bekalan air	E	0.33	113.6	-0.1	1.4	1.7	-0.2	-0.2	0.1	

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia


Indeks Bahan mentah untuk diproseskan selanjutnya meningkat sebanyak 23.3 peratus pada Mac 2022 berbanding peningkatan 17.7 peratus pada Februari 2022. Bahan bukan makanan (27.1%) dan Bahan makanan & makanan untuk binatang (3.4%) telah menyumbang kepada peningkatan ini. Pada masa yang sama, indeks Bahan perantaraan, bekalan & komponen melonjak 12.5 peratus (Februari 2022: 11.4%) didorong oleh kenaikan dalam indeks Bahan api yang diproses & pelincir (20.1%), Bahan & komponen untuk pembuatan (12.8%) dan Bahan & komponen untuk pembinaan (4.6%). Selain itu, Indeks Barang siap mencatatkan peningkatan sebanyak 0.4 peratus pada Mac 2022, setelah merekodkan penurunan berturut-turut selama lapan bulan (**Carta 36**).

Carta 36: Indeks Harga Pengeluar mengikut Peringkat Pemprosesan, Tahun ke Tahun (%), Mac 2021 - Mac 2022


Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pada suku tahun pertama 2022, IHPR pengeluaran tempatan meningkat 10.2 peratus (ST4 2021: 11.9%). Peningkatan ini dipacu oleh indeks Perlombongan (28.3%), Pertanian, perhutanan dan perikanan (18.4%), Pembuatan (8.0%), Bekalan air (1.4%) dan Bekalan elektrik & gas (0.6%). IHPR pengeluaran tempatan meningkat 3.5 peratus suku tahun ke suku tahun berbanding 2.1 peratus pada suku tahun keempat 2021 (**Carta 37**).

Carta 37: Indeks Harga Pengeluar Pengeluaran Tempatan, Tahun ke Tahun (%), ST1 2021 - ST1 2022



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Konflik ketenteraan baru-baru ini menyebabkan kenaikan kos bahan mentah antaranya minyak mentah dan baja yang boleh menyumbang kepada kenaikan harga makanan global termasuk Malaysia. *Food and Agriculture Organization of the United Nations* (FAO) melaporkan Indeks Harga Makanan berpurata pada 159.3 mata pada Mac 2022, meningkat 12.6 peratus berbanding Februari 2022 dan 33.6 peratus lebih tinggi berbanding Mac 2021. Di samping itu, harga minyak mentah Brent terus meningkat walaupun dilihat stabil pada awal April 2022. Pada awal Mac 2022, harga minyak sawit mentah telah mencecah RM8,000/tan, dengan purata RM6,867.00/tan pada Mac 2022, meningkat daripada RM5,930.50/tan yang dicatatkan pada Februari 2022. Oleh kerana gas asli digunakan untuk menghasilkan baja, harga baja juga dijangka akan terus meningkat seiring dengan kenaikan harga gas asli akan menambahkan lagi tekanan kepada harga pertanian.

Situasi kesihatan awam global mengenai COVID-19 telah menunjukkan peningkatan pada suku tahun pertama 2022. Di sebalik peningkatan berterusan jumlah jangkitan harian, namun situasi masih dalam kawalan sistem kesihatan di kebanyakan negara manakala jumlah kematian berada dalam aliran menurun. Justeru, lebih banyak negara sama ada mula menganggap virus itu sebagai endemik atau secara beransur-ansur melonggarkan langkah-langkah pembendungan virus yang ketat sebelum ini; lalu meningkatkan kerancakan aktiviti perniagaan dan sosial. Oleh itu, pertumbuhan KDNK yang lebih kukuh telah direkodkan pada suku tahun pertama 2022 bagi United Kingdom, European Union, China, Philippines dan Thailand. KDNK United States, Singapore dan Indonesia juga kekal positif.

Di peringkat nasional, Malaysia mencatatkan prestasi ekonomi yang lebih kukuh pada suku tahun pertama 2022, merekodkan pertumbuhan KDNK sebanyak 5.0 peratus berbanding 3.6 peratus pada suku tahun sebelumnya. Dari segi penawaran, prestasi ini disumbangkan terutamanya oleh sektor Perkhidmatan dan Pembuatan. Sementara itu, dari segi permintaan, KDNK didorong oleh pengembangan dalam Perbelanjaan penggunaan akhir swasta dan Perbelanjaan penggunaan akhir kerajaan serta pemulihan dalam Pembentukan modal tetap kasar.

Melihat kepada sektor luaran pada suku tahun pertama 2022, Malaysia mengekalkan lebihan akaun semasa meskipun dengan nilai yang lebih rendah iaitu RM3.0 bilion berbanding RM15.3 bilion yang dicatatkan pada suku tahun sebelumnya berikutan defisit yang direkodkan dalam semua akaun kecuali Barang. Prestasi memberangsangkan dalam Akaun barangan disumbangkan oleh pertumbuhan positif eksport dan import masing-masing kepada RM268.9 bilion dan RM228.4 bilion. Sementara itu, prestasi perdagangan Malaysia pada suku tahun tersebut kekal kukuh di mana eksport dan import terus mencatatkan pertumbuhan dua digit masing-masing sebanyak 22.2 peratus dan 25.2 peratus.

IPP pada suku tahun pertama 2022 meningkat 4.5 peratus tahun ke tahun berikutan kenaikan indeks Pembuatan dan Elektrik. Bagi bulan Mac 2022, IPP meningkat 5.1 peratus berbanding bulan yang sama tahun sebelumnya disumbangkan oleh peningkatan dalam ketiga-tiga sektor. Prestasi IPP pada bulan Mac dipacu oleh output berorientasikan domestik dan eksport sektor Pembuatan. Nilai jualan sektor Pembuatan meningkat 12.8 peratus kepada RM415.3 bilion diterajui oleh Produk Elektrik & Elektronik; Produk Makanan, Minuman & Tembakau dan Produk Petroleum, Kimia, Getah & Plastik.

Hasil sektor Perkhidmatan meningkat 10.4 peratus pada suku tahun pertama 2022 dengan merekodkan nilai sebanyak RM473.0 bilion iaitu melepassi paras pra-pandemik. Tiga daripada empat segmen dalam sektor Perkhidmatan merekodkan peningkatan hasil yang lebih tinggi pada suku tahun ini iaitu segmen Perdagangan Borong & Runcit, Makanan & Minuman dan Penginapan; Maklumat & Komunikasi dan Pengangkutan & Penyimpanan; dan Kesihatan, Pendidikan dan Kesenian, Hiburan & Rekreasi. Sementara itu, hasil bagi segmen Profesional dan Ejen Hartanah telah memulih berbanding penurunan yang dicatatkan pada suku tahun sebelumnya.

Dari sudut harga, IHP pada suku tahun pertama 2022 meningkat 2.2 peratus berbanding suku tahun yang sama tahun sebelumnya, sebahagiannya dipengaruhi oleh harga siling Petrol Tanpa Plumbum RON95 dan Diesel serta kenaikan harga ayam yang melepassi harga purata 2021. IHP pada Mac 2022 kekal melebihi purata inflasi Malaysia bagi tempoh 2011 hingga Mac 2022 (1.9%), dengan peningkatan 2.2 peratus tahun ke tahun terutamanya disumbangkan oleh kenaikan kumpulan Makanan & Minuman Bukan Alkohol. Sementara itu, IHPR pengeluaran tempatan meningkat 10.2 peratus pada suku tahun pertama 2022 dengan semua indeks menunjukkan peningkatan. Pertumbuhan dua digit sebanyak 11.6 peratus direkodkan pada Mac 2022 terutamanya dipengaruhi oleh harga komoditi seperti digambarkan melalui pertumbuhan Indeks Perlombongan dan Indeks Pertanian, perhutanan & perikanan.

Selaras dengan prestasi kukuh indikator ekonomi pada suku tahun pertama 2022, pasaran buruh terus bertambah baik apabila bilangan pekerja meningkat 2.2 peratus tahun ke tahun kepada 15.57 juta orang. Sementara itu, jumlah penganggur terus menurun kepada 671.2 ribu orang, mencatatkan kadar pengangguran sebanyak 4.1 peratus. Selaras dengan pembukaan semula lebih banyak aktiviti perniagaan dan sosial pada kapasiti penuh telah menyebabkan peningkatan permintaan buruh oleh industri. Bilangan jawatan terus meningkat sebanyak 1.8 peratus sejajar dengan perkembangan ekonomi global dan domestik.

Senario ekonomi dunia semasa dipengaruhi oleh ketegangan geopolitik antara Russia dan Ukraine dan kenaikan harga komoditi dan produk pembuatan. Tambahan pula, China yang mengamalkan pendekatan toleransi sifir terhadap COVID-19 menyebabkan gangguan rantaian bekalan sekali gus menambah tekanan kepada harga. Dari sudut lain, permintaan yang bertambah baik selari dengan peralihan negara kepada endemik juga menyebabkan kekurangan dan seterusnya kenaikan harga. Sehubungan itu, beberapa negara telah mengambil langkah drastik dalam menangani kekurangan barang di pasaran tempatan mereka. Contohnya ialah larangan Indonesia terhadap eksport minyak sawit pada 28 April yang menjelaskan pasaran minyak sayuran global. Sementara itu, harga gandum meningkat secara mendadak sejak Februari 2022 apabila India yang merupakan pengeluar gandum kedua terbesar dunia baru-baru ini mengharamkan eksport kerana pengeluaran terjejas teruk akibat kemarau berpunca daripada gelombang haba. Kebanyakan negara telah membuat pelarasan kepada penetapan dasar monetari yang digunakan untuk merangsang ekonomi semasa COVID-19 bagi memerangi inflasi. United States Federal Reserve menaikkan kadar faedah secara agresif sebanyak setengah mata peratusan pada 4 Mei untuk membendung inflasi yang tinggi sejak 40 tahun di negara itu. Langkah ini diikuti oleh bank pusat lain di seluruh dunia kerana inflasi merupakan ancaman nombor satu kepada ekonomi. Bagi Malaysia, Bank Negara Malaysia telah menaikkan kadar faedah sebanyak 25 mata asas pada 11 Mei 2022 berikutan kenaikan harga dan peningkatan permintaan dalam negeri beserta prestasi eksport yang stabil.

IP pada Mac 2022 mencatatkan pertumbuhan kecil 0.4 peratus berbanding suku tahun sebelumnya. Walau bagaimanapun, prestasi tahunan IP merosot 1.5 peratus disumbangkan oleh Import Benar Logam Asas Berharga & Logam Bukan Ferus Lain. Seterusnya, impak pengeluaran khas Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) sehingga RM10,000 bermula 1 April dan sambutan Hari Raya selepas dua tahun berada dalam sekatan pergerakan akibat COVID-19 pastinya akan menjadi pendorong kepada prestasi indikator ekonomi pada bulan akan datang. Kerajaan baru-baru ini mengambil langkah drastik untuk menangani kenaikan harga dan kekurangan produk makanan terutamanya ayam dengan melaksanakan larangan eksport ayam mulai 1 Jun dan memansuhkan keperluan permit (AP) import bagi gandum. Walaupun ekonomi Malaysia berada pada trajektori positif, namun kesan inflasi di seluruh dunia akan menjelaskan permintaan. Tambahan pula, kebanyakan negara melaksanakan dasar monetari yang lebih ketat secara agresif untuk mengurangkan permintaan dan seterusnya akan memberi kesan kepada produk dari Malaysia.



INDIKATOR EKONOMI

INDIKATOR EKONOMI - BULANAN

INDIKATOR (Nisai)	UNIT	2021						2022						Sumber Data	
		Mac	Apr	Mei	Jun	Jul	Ogos	Sep	Okt	Nov	Dis	Jan	Feb		
1.0 KELUARAN DALAM NEGERI KASAR	RM Juta	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	Jabatan Perangkaan Malaysia	
2.0 KOMODITI															
2.1 GETAH															
2.1.1 Pengeluaran															
2.1.2 Harga	Tan Metrik	36,068.3	23,012.9	28,164.2	38,007.4	48,609.9	42,942.1	41,179.6	43,126.6	30,433.3	41,689.7	50,076.3	28,816.8	28,030.4 Jabatan Perangkaan Malaysia	
- Getah	RM/Kg	7.08	6.68	6.86	6.69	6.79	7.18	6.69	7.14	7.22	7.13	7.34	7.40	7.24 Lembaga Getah Malaysia	
- SMR 20	RM/Kg	5.83	5.36	5.60	5.48	5.48	5.90	5.38	5.79	5.96	5.84	6.03	6.06	5.91 Lembaga Getah Malaysia	
- Sekerap	RM/Kg	7.30	7.16	7.22	6.71	5.47	5.81	5.60	6.09	6.11	6.28	6.96	7.64	7.64 Lembaga Getah Malaysia	
- Gelan Cair	RM/Kg	6.80	6.23	6.37	5.65	4.94	5.22	4.97	5.21	5.54	5.39	5.72	6.58	6.84 Lembaga Getah Malaysia	
- Latex Pekat															
2.1.3 Ekspor															
- Getah Asli #	Tan Metrik	58,851.9	55,695.6	48,111.3	48,588.5	48,645.4	59,171.7	62,331.7	62,167.0	60,942.4	45,982.3	51,159.6	47,386.0	53,328.2 Jabatan Perangkaan Malaysia	
2.2 KELAPA SAWIT															
2.2.1 Ekspor															
- Produk Kelapa Sawit	Tan Metrik	1,810,510.0	2,072,855.0	1,921,986.0	2,216,639.0	2,084,308.0	1,955,191.0	2,441,399.0	2,163,435.0	2,342,143.0	2,143,891.0	1,852,271.0	1,837,401.0	1,933,448.0 Lembaga Minyak Sawit Malaysia	
- Minyak Sawit	Tan Metrik	1,180,859.0	1,350,777.0	1,288,424.0	1,418,994.0	1,403,315.0	1,167,188.0	1,611,518.0	1,420,374.0	1,465,918.0	1,423,821.0	1,159,326.0	1,108,576.0	1,265,379.0 Lembaga Minyak Sawit Malaysia	
- Minyak Siriong Sawit	Tan Metrik	98,223.0	96,546.0	71,330.0	78,328.0	85,351.0	93,300.0	94,302.0	123,005.0	94,349.0	79,867.0	56,720.0	69,221.0	69,221.0 Lembaga Minyak Sawit Malaysia	
2.3 PETROLEUM MENTAH															
2.3.1 Harga	USD/Tong	65.19	64.77	68.04	73.07	74.39	70.02	74.60	83.65	80.77	74.31	85.53	95.76	115.59 World Bank	
- Minyak Mentah, Brent	USD/Tong	62.35	61.71	65.18	71.38	72.46	67.73	71.56	81.32	79.18	71.53	83.12	91.74	103.49 World Bank	
- Minyak Mentah, WTI															
2.3.2 Ekspor															
- Petroleum Mentah #	0'00 Tan Metrik	927.2	847.1	923.9	878.5	827.0	805.3	838.2	689.7	542.4	549.3	640.5	546.2	984.0 Jabatan Perangkaan Malaysia	
- Produk Petroleum #	0'00 Tan Metrik	1,973.1	4,124.4	2,760.1	3,587.1	4,394.6	2,679.4	3,717.5	3,204.4	3,311.0	3,139.8	2,065.3	2,218.2	2,215.4 Jabatan Perangkaan Malaysia	
2.3.3 Import															
- Petroleum Mentah #	0'00 Tan Metrik	259.6	1,135.5	506.9	413.0	1,014.3	377.9	657.8	234.2	538.9	221.7	554.6	193.6	2,296.5 Jabatan Perangkaan Malaysia	
- Produk Petroleum #	0'00 Tan Metrik	2,583.3	3,763.9	2,635.7	3,552.8	3,164.9	1,948.3	3,023.5	3,329.8	3,057.0	1,963.8	2,196.4	2,606.8	2,316.2 Jabatan Perangkaan Malaysia	
2.4 GAS ASLI CECAR (LNG)															
2.4.1 Ekspor															
- Gas Asli Cecair #	'000 Tan Metrik	2,161.2	2,306.6	2,289.1	1,667.6	2,032.6	2,132.0	1,588.9	1,813.5	1,986.9	2,493.2	2,231.4	2,151.2	2,577.7 Jabatan Perangkaan Malaysia	
3.0 SEKTOR															
3.1 PEMBIUTAN															
3.1.1 Indeks Pengeluaran Perindustrian	Mata	128.3	122.8	120.4	126.9	119.1	125.4	132.3	137.6	138.5	137.7	143.910,775.4	138,985,561.8	131,635,004.9 144,610,088.7 Jabatan Perangkaan Malaysia	
3.1.2 Jualan	RM 000	126,935,039.3	130,645,790.4	122,726,159.9	124,362,161.2	119,933,989.3	126,536,417.3	135,322,930.7	140,654,672.8	142,410,833.2	143,910,775.4	138,985,561.8	95,044,677.7	87,155,424.9 109,465,423.7 Jabatan Perumahan Negara	
3.1.3 Ekspорт #	RM 000	91,308,206.3	91,609,667.3	78,828,569.0	91,302,871.2	82,847,129.2	80,828,735.6	94,860,740.0	98,610,022.7	95,415,694.7	105,315,221.8	105,315,221.8	95,044,677.7	87,155,424.9 109,465,423.7 Jabatan Perumahan Negara	
3.2 PEMBINAAN															
3.2.1 Pengeluaran Lesen Benda, Permit Jualan dan Iklan Perumahan (Permit Baju)	Unit	109	100	92	31	56	45	42	63	99	75	78	59	71 Jabatan Perumahan Negara	
3.2.2 Pengeluaran Lesen Penatu, Permit Jualan dan Iklan Perumahan (Permit Dipertaharu)	Unit	271	228	182	127	194	231	239	244	206	253	186	241	86 Jabatan Perumahan Negara	
3.2.3 Harga															
3.2.3.1 Harga Keku	Rm per Tan Metrik	2,427.91	2,463.45	2,464.24	2,464.24	2,479.22	2,503.03	2,556.64	2,635.11	2,635.11	2,713.66	2,713.66	2,393.98	2,401.54 Kementerian Kerja Raya	
3.2.3.2 Simen	Rm per 50 Kg Beg	17.97	18.00	17.90	17.90	17.90	17.90	18.41	18.46	18.46	18.73	18.73	18.77	18.77 Kementerian Kerja Raya	
3.3 PERLOMBONGAN DAN PENGKURIAN															
3.3.1 Indeks Pengeluaran Perindustrian	Mata	97.6	92.8	96.9	91.6	88.0	82.7	80.7	86.9	92.1	95.0	91.3	97.9	97.9 Jabatan Perangkaan Malaysia	
3.4 UTILITI															
3.4.1 Elektrik															
3.4.1.1 Perjanaan Tempatan															
- Perjanaan Tempatan	Juta Kilowatt-Jam	14,476.0	13,982.5	14,089.1	12,350.4	12,901.5	13,265.7	13,478.7	14,517.3	13,791.1	14,155.2	14,155.2	14,133.5	14,205.8	14,586.7 Tenaga Nasional Berhad, Sabah Electricity Sdn. Bhd., Sarawak Energy Berhad, Pengalur Tenaga Bebas
a. Pemasangan Awam #															
b. Pemasangan Swasta #															
n.a. tidak tersedia -															
- tidak berkenaan	Juta Kilowatt-Jam	201.5	185.6	192.5	179.1	173.9	166.0	172.9	191.4	183.3	187.8	188.5	189.3	189.3	

P awalan

1 data terkini sehingga Disember 2021

data Provisional berdasarkan Penerbitan Perdagangan Luar Negeri Mac 2022

n.a. tidak tersedia

- tidak berkenaan

INDIKATOR EKONOMI - BULANAN

INDIKATOR	Perubahan Peratusan Tahunan (%)	2021												2022			Sumber Data
		Mac	Apr	Mai	Jun	Jul	Ogos	Sep	Okt	Nov	Dis	Jan	Feb	Mac			
1.0 KELUARAN DALAM NEGERI KASAR																	
1.1 Harga Malar 2015	6.1	38.9	19.0	-3.4	-8.0	-4.8	-0.6	2.7	6.2	2.0	4.3	5.2	5.4	Jabatan Perangkaan Malaysia			
2.0 KOMODITI																	
2.1 GETAH																	
2.1.1 Pengeluaran																	
- Gelah	4.5	-33.5	33.8	15.7	16.3	-3.6	-10.8	-13.6	-28.3	-16.3	9.5	-42.2	-22.3	Jabatan Perangkaan Malaysia			
2.1.2 Harga	36.8	41.3	45.9	38.1	36.3	33.2	19.8	14.8	14.1	13.4	16.8	10.1	2.2	Lembaga Gejah Malaysia			
- SMR 20	50.4	62.8	70.9	60.7	54.5	49.1	28.2	21.3	18.9	18.8	23.8	16.1	1.3	Lembaga Gejah Malaysia			
- Sekerap	57.4	65.2	68.7	59.1	11.1	19.3	10.7	-5.2	-15.4	-8.1	-0.9	8.0	4.7	Lembaga Gejah Malaysia			
- Gelah Cair	56.0	50.8	47.3	17.7	5.8	11.6	2.6	-9.5	-10.8	-7.4	4.0	11.9	0.5	Lembaga Gejah Malaysia			
- Latek Pekat																	
2.1.3 Ekspor	30.2	37.2	42.4	25.9	7.2	38.7	27.9	14.1	7.8	-25.3	6.3	-13.3	-9.4	Jabatan Perangkaan Malaysia			
2.2 KELAPA SAWIT																	
2.2.1 Harga	-8.7	11.6	-6.4	-14.8	-19.3	-20.1	-1.1	-14.9	14.0	-12.9	14.9	21.3	6.8	Lembaga Minyak Sawit Malaysia			
- Produk Kelapa Sawit	0.4	9.2	-7.4	-16.9	-21.4	-26.0	-0.04	-15.2	12.5	-13.3	22.4	23.1	6.3	Lembaga Minyak Sawit Malaysia			
- Minyak Sawit	20.3	14.8	-5.0	-18.6	12.4	-16.6	-30.7	-32.9	34.1	-35.2	14.8	-12.1	-25.7	Lembaga Minyak Sawit Malaysia			
2.3 PETROLEUM MENTAH																	
2.3.1 Harga	97.7	177.5	119.3	83.0	73.8	58.2	81.6	106.7	86.8	49.0	56.8	54.6	77.3	World Bank			
- Minyak Mentah, Brent	108.7	273.5	128.2	86.4	77.8	59.9	80.7	105.7	92.7	52.0	59.5	55.3	74.0	World Bank			
- Minyak Mentah, WTI																	
2.3.2 Ekspor	-22.8	6.0	18.8	-5.7	-49.4	-50.5	-32.9	-11.4	-56.4	-49.6	-37.7	-28.0	7.2	Jabatan Perangkaan Malaysia			
- Petroleum Mentah [#]	-46.7	21.4	-3.4	15.8	22.7	1.1	83.8	27.8	26.7	32.2	-7.4	-38.7	12.3	Jabatan Perangkaan Malaysia			
2.3.3 Import	-88.0	48.2	-27.1	-39.1	-30.0	-55.3	23.1	-74.5	1.9	-61.0	-4.5	-60.5	784.7	Jabatan Perangkaan Malaysia			
- Petroleum Mentah [#]	-18.1	37.0	33.6	-1.5	-1.7	-24.5	-39.9	-2.2	-0.2	-33.0	-14.5	-34.0	-10.3	Jabatan Perangkaan Malaysia			
2.4 GAS ASLI CECAIR (LNG)																	
2.4.1 Ekspor	-0.9	23.6	49.5	-2.0	3.9	5.6	-18.2	-2.5	13.0	-6.4	3.8	-15.5	19.3	Jabatan Perangkaan Malaysia			
- Gas Asli Cecair [#]																	
3.0 SEKTOR																	
3.1 PEMBILATAN																	
3.1.1 Indeks Pengeluaran Perindustrian	12.7	68.0	29.8	-0.2	-6.5	0.6	4.0	8.0	11.3	8.4	6.8	5.2	6.9	Jabatan Perangkaan Malaysia			
3.1.2 Jualan	15.3	72.5	37.2	6.5	0.6	6.8	11.6	15.3	18.8	15.5	13.1	11.2	13.9	Jabatan Perangkaan Malaysia			
3.1.3 Ekspor [#]	36.0	65.4	45.2	25.8	2.3	15.4	21.6	23.3	28.2	28.4	19.8	14.2	19.1	Jabatan Perangkaan Malaysia			
3.2 PEMBINAAN																	
3.2.1 Pengeluaran Lesen Pemaju, Permit Jualan dan Iklan	87.9	1,011.1	253.8	-59.7	-16.4	-50.5	-40.8	-23.2	160.5	2.7	6.8	-15.7	-34.9	Jabatan Perumahan Negara			
3.2.2 Pengeluaran Lesen Pemaju, Permit Jualan dan Iklan	41.9	101.8	0.0	-43.6	-27.6	4.5	18.9	5.6	28.0	35.3	-6.5	19.9	-68.3	Jabatan Perumahan Negara			
3.2.3 Harga																	
- Keluli	1.7	3.2	3.2	3.4	3.4	3.7	4.3	5.3	7.7	10.5	13.6	0.1	-1.1	Kementerian Kerja Raya			
- Sijen	1.8	1.9	1.4	0.7	0.4	0.4	0.9	1.5	3.6	3.4	5.0	4.9	4.4	Kementerian Kerja Raya			
3.3 PERLOMBONGAN DAN PENGGURUAN																	
3.3.1 Indeks Pengeluaran Perindustrian	-1.1	13.3	18.9	8.4	0.1	-4.0	-5.1	-4.3	3.5	-2.6	-5.1	-0.4	0.3	Jabatan Perangkaan Malaysia			
3.4 UTILITI																	
3.4.1 Elektrik																	
- Penjanaan Tempatan																	
a. Pemasangan Awam [#]	8.7	21.7	7.8	-5.7	-5.7	-0.4	3.1	4.1	3.7	6.9	3.6	3.6	0.8	Tenggaro National Berhad, Sabah Electricity Sdn Bhd, Sarawak Energy Berhad, Pengalutar Tenaga Bebas			
b. Pemasangan Swasta [#]	-3.1	-6.3	1.4	-4.5	-9.0	-12.4	-9.1	-4.2	-2.2	-6.0	-2.8	-1.3	-6.1	Tenggaro National Berhad, Sabah Electricity Sdn Bhd, Pengalutar Tenaga Bebas			

Nota

p awalan

1 data terkini sehingga Disember 2021

data Provisional berdasarkan Penerbitan Perdagangan Luar Negeri Mac 2022

n.a.

- tidak berkaitan

INDIKATOR EKONOMI - BULANAN

INDIKATOR (Nilai)	UNIT	2021											2022				Sumber Data
		Mac	Apr	Mei	Jun	Jul	Ogos	Sep	Okt	Nov	Dis	Jan	Feb	Mac			
- Penggunaan Tempatan																	
a. Perindustrian, Pertigaan dan Perlombongan ^p	Juta Kilowatt-Jam	9,800.4	9,514.7	9,162.2	7,735.7	8,102.2	8,660.7	9,124.1	9,822.1	9,617.4	9,838.6	9,807.3	9,052.9	10,104.9	10,104.9	Tenaga Nasional Berhad, Sabah Electricity Sdn. Bhd., Sarawak Energy Berhad, Pengeluaran Tenaga Babas	
b. Kediaman dan Lampu Awam ^p	Juta Kilowatt-Jam	3,089.0	3,155.9	3,447.2	3,312.3	3,431.6	3,286.7	3,254.9	3,192.3	3,020.4	3,046.8	3,156.0	3,097.4	3,281.8	3,281.8	Tenaga Nasional Berhad, Sabah Electricity Sdn. Bhd., Sarawak Energy Berhad, Pengeluaran Tenaga Babas	
3.5 PERKHIDMATAN																	
3.5.1 Perdagangan Borong & Runcit																	
3.5.2 Indeks Kuantiti																	
- Indeks Perdagangan Borong	Mata Mata Mata	126.4 134.9 124.3	126.5 132.1 90.6	119.2 125.6 7.5	117.4 126.0 13.8	123.2 128.0 46.7	128.1 132.3 85.6	131.1 135.5 116.6	130.6 143.4 110.2	132.3 146.0 112.3	134.1 147.2 107.7	126.1 146.2 104.9	127.8 148.2 104.9	126.1 146.2 104.9	127.8 148.2 104.9	127.8 148.2 104.9	Jabatan Perangkaman Malaysia Jabatan Perangkaman Malaysia Jabatan Perangkaman Malaysia
3.5.3 Kendaraan Bermotor																	
- Pengeluaran Kenderaaan	Unit Unit Unit	58,102 41,119 62,221	47,764 3,626 51,390	40,159 2,363 42,522	246 30 276	2,396 379 275	12,897 1,064 275	42,556 3,416 45,972	61,248 4,162 65,410	53,661 4,418 56,079	49,901 4,265 54,168	39,455 3,506 42,961	47,446 3,846 51,291	55,137 4,771 59,908	55,137 4,771 59,908	Persatuan Automotif Malaysia Persatuan Automotif Malaysia Persatuan Automotif Malaysia	
- Penumpang	a. Komersial b. Jumlah																
- Perjaluan Kenderaaan	Unit	56,478	52,628	41,988	1,841	4,949	15,064	38,315	56,881	52,601	57,603	33,668	38,623	65,902	65,902	Persatuan Automotif Malaysia Persatuan Automotif Malaysia Persatuan Automotif Malaysia	
a. Penumpang	Unit	7,400	5,284	4,675	80	2,137	2,436	5,960	6,608	6,141	6,141	6,913	4,899	7,720	7,720	Jabatan Pengangkutan Jalan	
b. Komersial	Unit	63,878	57,912	46,663	1,921	7,086	17,500	44,275	63,489	65,184	40,381	43,722	73,222	73,222	Jabatan Pengangkutan Jalan		
c. Jumlah	Unit	137,542	133,878	133,172	11,209	28,504	46,519	100,693	130,531	127,457	151,563	93,650	91,625	138,702	138,702	Malaysia	
- Perorfaran Kendearaan Basu	Bilangan																
3.5.4 Pelancongan																	
- Kemasyukan Pelancong ¹																	
3.5.5 Kewangan																	
I Penarawar Wang																	
- M1	RM Juta	549,566.7	551,531.1	551,624.1	547,706.7	550,824.9	551,834.5	562,955.7	559,928.6	560,847.4	578,301.9	585,517.6	587,656.5	592,214.4	592,214.4	Bank Negara Malaysia	
- M2	RM Juta	2,083,780.5	2,073,628.2	2,070,555.3	2,083,732.3	2,083,632.1	2,083,879.5	2,083,632.1	2,083,840.5	2,122,374.0	2,165,807.0	2,171,788.7	2,178,879.6	2,197,880.6	2,196,197.2	2,196,197.2	Bank Negara Malaysia
- M3	RM Juta	2,088,401.6	2,079,978.5	2,082,749.6	2,083,807.5	2,083,662.1	2,104,908.8	2,133,616.9	2,162,024.1	2,162,024.1	2,171,788.7	2,178,879.6	2,197,880.6	2,203,024.2	2,203,024.2	Bank Negara Malaysia	
II Jumlah Pinjaman di Sistem Perbankan																	
- Bank-Bank Perdagangan	RM Juta	1,853,636.6	1,653,868.9	1,656,806.8	1,866,525.2	1,865,773.2	1,867,773.2	1,869,524.1	1,887,493.3	1,903,889.3	1,913,883.5	1,923,883.5	1,926,907.7	1,938,127.6	1,938,127.6	1,938,127.6	Bank Negara Malaysia
- Bank-Bank Sudagar	RM Juta	1,174,869.9	1,172,102.7	1,174,947.1	1,174,947.1	1,174,947.1	1,174,947.1	1,174,947.1	1,174,947.1	1,174,947.1	1,174,947.1	1,174,947.1	1,191,240.2	1,194,374.8	1,195,039.7	1,195,039.7	Bank Negara Malaysia
- Bank-Bank Islam	RM Juta	670,923.9	673,873.3	675,938.8	677,111.6	680,736.7	680,736.7	681,021.7	688,303.1	696,211.9	705,860.1	714,825.0	714,825.0	724,272.5	724,272.5	Bank Negara Malaysia	
- Bank-Bank Saudagar	RM Juta	7,842.8	7,893.0	7,920.8	7,931.6	7,931.6	7,931.6	7,931.6	7,939.6	8,124.1	7,594.7	7,584.7	7,584.7	7,585.8	7,585.8	7,585.8	Bank Negara Malaysia
III Jumlah Deposit Sistem Perbankan																	
- Bank-Bank Perdagangan	RM Juta	2,129,222.4	2,119,910.6	2,122,676.3	2,130,967.3	2,130,967.3	2,130,967.3	2,130,967.3	2,130,967.3	2,130,967.3	2,130,967.3	2,130,967.3	2,130,967.3	2,221,753.2	2,221,753.2	2,221,753.2	Bank Negara Malaysia
- Bank-Bank Sudagar	RM Juta	1,427,355.7	1,418,722.5	1,421,971.1	1,428,966.9	1,428,966.9	1,433,152.5	1,446,100.1	1,473,661.4	1,482,125.6	1,488,229.0	1,493,251.4	1,499,688.9	1,517,780.4	1,517,780.4	1,517,780.4	Bank Negara Malaysia
- Bank-Bank Islam	RM Juta	678,496.8	670,388.4	672,745.4	673,745.9	675,395.9	675,744.7	676,870.0	676,870.0	676,870.0	686,243.6	686,615.7	686,615.7	698,195.6	698,195.6	698,195.6	Bank Negara Malaysia
IV Deposit Tetap Tawarruq, Deposit																	
I Potaburan Khusus dan Amanah	RM Juta	962,071.0	956,684.2	956,372.8	956,059.7	956,957.2	964,945.1	968,454.1	970,153.1	971,452.6	976,062.2	976,459.5	979,722.6	979,722.6	979,722.6	979,722.6	Bank Negara Malaysia
- Bank-Bank Perdagangan	RM Juta	559,982.5	558,847.3	562,909.4	562,430.1	565,553.4	566,263.9	567,454.1	567,210.4	568,484.6	563,473.6	565,330.1	564,157.0	562,684.6	562,684.6	562,684.6	Bank Negara Malaysia
- Bank-Bank Sudagar	RM Juta	387,718.0	384,287.5	387,814.3	383,339.2	383,639.1	384,484.6	384,484.6	385,619.2	386,374.3	389,489.6	390,374.3	395,436.6	400,090.0	400,090.0	400,090.0	Bank Negara Malaysia
V Deposit Tabungan																	
- Bank-Bank Perdagangan	RM Juta	14,370.6	14,569.5	15,649.1	15,290.4	15,004.7	16,201.0	16,481.8	17,012.2	17,323.5	17,579.3	15,790.1	16,865.8	16,948.1	16,948.1	16,948.1	Bank Negara Malaysia
- Bank-Bank Sudagar	RM Juta	227,885.2	228,924.4	230,966.8	235,992.4	238,969.9	231,503.0	241,620.1	246,842.0	246,842.0	246,842.0	246,842.0	246,842.0	244,984.6	244,984.6	244,984.6	Bank Negara Malaysia
VI Kadar Dasar Semakan																	
VII Kadar Berian Pihaman/Pembayaran Purata																	
- Bank-Bank Perdagangan	%	3.47	3.45	3.42	3.43	3.40	3.40	3.40	3.40	3.40	3.40	3.40	3.40	3.40	3.40	3.40	Bank Negara Malaysia
- Bank-Bank Sudagar	%	4.08	4.04	4.05	4.05	4.02	4.02	4.02	4.02	4.02	4.02	4.02	4.02	4.02	4.02	4.02	Bank Negara Malaysia
VIII Kadar Berian Pihaman Asas Bank Perdagangan																	
- Bank-Bank Perdagangan	%	5.77	5.86	5.73	5.60	5.67	5.67	5.67	5.67	5.67	5.67	5.67	5.67	5.64	5.64	5.64	Bank Negara Malaysia
IX Kadar Pembayaran Asas Perbankan Islam																	
- Bank-Bank Islam	%	5.49	5.49	5.49	5.49	5.49	5.49	5.49	5.49	5.49	5.49	5.49	5.49	5.49	5.49	5.49	Bank Negara Malaysia
X Kadar Dikurangkan																	
- Bank-Bank Islam	%	5.55	5.55	5.55	5.55	5.55	5.55	5.55	5.55	5.55	5.55	5.55	5.55	5.55	5.55	5.55	Bank Negara Malaysia

Nota

p awalain

1 data sejajar sehingga Disember 2021

data Provisonal berdasarkan Penerbitan Perdagangan Luar Negeri Mac 2022

n.a. tidak tersedia

- tidak berkiraan

INDIKATOR EKONOMI - BULANAN

INDIKATOR	Mac	Apr	Mei	Jun	Jul	Ogos	Sep	Okt	Nov	Dis	Jan	Feb	Mac	SUMBER DATA		
- Penggunaan Tempatan																
a. Perindustrian, Perniagaan dan Perlombongan ^p	11.2	32.0	20.2	-11.4	-13.6	-9.3	-4.3	0.4	4.8	4.5	8.5	7.9	3.1	Tenaga Nasional Berhad, Sabah Electricity Sdn. Bhd., Sarawak Energy Berhad, Pengeluar Tenaga Bebas		
b. Kediaman dan Lampu Awam ^p	6.9	-0.1	-12.7	9.8	14.2	9.9	12.2	7.3	2.6	8.0	3.4	-0.4	6.2	Tenaga Nasional Berhad, Sabah Electricity Sdn. Bhd., Sarawak Energy Berhad, Pengeluar Tenaga Bebas		
3.6 PERKHIDMATAN																
3.5.1 Perdagangan Borong & Runcit Indeks Kuanitii	2.1	42.9	27.6	-0.5	-3.4	-3.3	-2.7	-1.8	1.3	0.7	1.7	0.7	1.2	Jabatan Perangkaman Malaysia		
- Indeks Perdagangan Borong	8.9	63.3	20.4	3.7	9.3	7.9	2.8	2.2	3.3	0.5	2.8	5.4	7.3	Jabatan Perangkaman Malaysia		
- Indeks Perdagangan Runcit	39.1	1,686.8	66.1	-62.8	-88.2	-88.4	-23.7	10.6	3.6	2.8	13.8	6.9	6.5	Jabatan Perangkaman Malaysia		
3.5.3 Kenderaan Bermotor															Persatuan Automotif Malaysia	
- Pengeluaran Kenderaaan															Persatuan Automotif Malaysia	
a. Perumpang															Persatuan Automotif Malaysia	
b. Komersial															Persatuan Automotif Malaysia	
c. Jumlah															Persatuan Automotif Malaysia	
- Penjualan Kenderaan															Persatuan Automotif Malaysia	
a. Perumpang															Persatuan Automotif Malaysia	
b. Komersial															Persatuan Automotif Malaysia	
c. Jumlah															Persatuan Automotif Malaysia	
- Pandafaran Kenderaan Baru															Persatuan Automotif Malaysia	
3.5.4 Pelancongan															Persatuan Automotif Malaysia	
- Kemasyikit Pelancong ¹															Persatuan Automotif Malaysia	
3.5.5 Kewangan															Tourism Malaysia	
I Penawaran Wang															Tourism Malaysia	
M1																
- M2																
- M3																
II Jumlah Pinjaman di Sistem Perbankan																
Bank-Bank Perdagangan																
Bank-Bank Islam																
Bank-Bank Sahudagar																
Bank-Bank Sstadgar																
Jumlah Deposit Sistem Perbankan																
Bank-Bank Perdagangan																
Bank-Bank Islam																
Bank-Bank Sahudagar																
Bank-Bank Sstadgar																
IV Deposit Tetap, Deposit Tetap Tawarruq, Deposit Pelaburan Khusus dan Am																
Bank-Bank Perdagangan																
Bank-Bank Islam																
Bank-Bank Sahudagar																
V Deposit Tabungan																
Bank-Bank Perdagangan																
Bank-Bank Islam																
Bank-Bank Sahudagar																
Bank-Bank Sstadgar																
VI Kadar Dasar Semalam																
VII Kadar Belian Pinjaman/Pembayaran Purata																
Bank-Bank Perdagangan																
Bank-Bank Islam																
Bank-Bank Sahudagar																
VIII Kadar Belian Pinjaman Asas Bank Perdagangan																
IX Kadar Pembayaran Asas Perbankan Islam																

Nota

p awalani

1 data terkini sehingga Disember 2021

data provisional berdasarkan Penerbitan Perdagangan Luar Negeri Mac 2022

n.a. tidak tersedia

- tidak berkaitan

INDIKATOR EKONOMI - BULANAN

X	Kadar Faedah Deposit Tabungan	2021												2022				SUMBER DATA	
		Mac	Apr	Mei	Jun	Jul	Ogos	Sep	Okt	Nov	Dis	Jan	Feb	Mac					
-	- Bank-Bank Perdagangan	0.46	0.46	0.58	0.58	0.58	0.58	0.55	0.57	0.57	0.56	0.57	0.57	0.57	0.57	0.57	0.57	Bank Negara Malaysia	
-	- Bank-Bank Islam	0.36	0.34	0.34	0.34	0.33	0.33	0.33	0.32	0.32	0.32	0.32	0.32	0.32	0.32	0.32	0.32	Bank Negara Malaysia	
XI	Prijaman Diluluskan Mengikut Sektor:																		
-	- Peranian Primer	RM Juta	245.8	369.9	406.5	529.4	542.0	382.5	1,339.2	180.1	170.5	204.0	121.0	71.5	665.3	665.3	665.3	Jabatan Perangkaan Malaysia	
-	- Perombongan & Pengkuarian	RM Juta	138.1	210.4	16.0	41.0	73.2	49.4	11.0	19.5	159.1	22.2	22.2	34.6	34.6	34.6	34.6	Bank Negara Malaysia	
-	- Perkhidmatan	RM Juta	2,303.2	2,274.7	2,625.7	3,944.7	4,390.0	2,789.7	2,646.2	2,894.3	2,249.2	2,086.6	2,014.3	3,062.0	3,062.0	3,062.0	3,062.0	Bank Negara Malaysia	
-	- Penibinaan	RM Juta	9,684.4	6,881.8	5,687.4	5,933.0	8,038.0	8,834.9	8,796.5	9,227.6	6,048.5	6,030.3	6,048.5	9,079.3	9,079.3	9,079.3	9,079.3	Bank Negara Malaysia	
-	- Hartanah	RM Juta	1,621.5	1,435.7	1,647.1	1,424.5	2,071.9	1,625.7	2,116.0	2,025.4	2,439.4	1,942.1	1,722.3	2,296.6	2,296.6	2,296.6	2,296.6	Bank Negara Malaysia	
-	- Sektor Isurmanah	RM Juta	21,583.0	23,039.1	11,527.9	11,130.3	15,539.0	15,488.3	1,271.6	989.9	1,895.6	1,890.9	1,157.3	141.8	141.8	141.8	141.8	Bank Negara Malaysia	
-	- Sektor Lain	RM Juta	102.3	112	14.1	163.7	143	487.2	147.2	10.1	27.6	12.1	73.8	28.0	100.2	100.2	100.2	Bank Negara Malaysia	
-	- Jumlah	RM Juta	36,892.6	35,720.7	32,741.2	26,705.6	26,796.3	29,346.0	33,063.2	34,944.2	39,390.7	42,794.6	35,269.4	41,149.0	41,149.0	41,149.0	41,149.0	Bank Negara Malaysia	
XII	Prijaman yang Dikeluarkan Mengikut Sektor:																		
-	- Peranian Primer	RM Juta	5,519.0	3,880.6	4,596.1	4,476.5	3,949.3	4,363.1	4,679.2	6,094.5	3,970.2	4,428.9	4,805.3	4,276.8	4,184.4	4,184.4	4,184.4	Bank Negara Malaysia	
-	- Perombongan & Pengkuarian	RM Juta	2,569.0	398.3	457.8	538.7	436.1	629.8	1,130.4	485.8	331.9	734.5	408.8	319.5	777.6	777.6	777.6	Bank Negara Malaysia	
-	- Perkhidmatan	RM Juta	29,199.6	26,815.7	26,944.8	28,965.9	27,690.0	28,918.6	31,258.6	31,340.9	32,253.1	33,752.2	29,402.0	37,121.3	52,172.3	52,172.3	52,172.3	Bank Negara Malaysia	
-	- Perkhidmatan	RM Juta	47,085.3	40,980.5	42,283.0	38,291.3	38,860.7	38,652.9	45,768.2	45,761.1	42,760.1	42,672.9	40,162.8	41,187.5	41,187.5	41,187.5	41,187.5	Bank Negara Malaysia	
-	- Penibinaan	RM Juta	8,630.1	8,272.1	7,529.9	9,455.8	7,594.3	7,456.3	8,303.1	7,856.0	8,327.4	9,956.4	7,689.7	9,933.1	9,933.1	9,933.1	9,933.1	Bank Negara Malaysia	
-	- Hartanah	RM Juta	3,954.1	3,954.4	3,907.5	4,369.3	3,732.9	3,311.1	4,886.1	3,866.4	4,032.8	5,403.6	4,444.4	3,299.5	4,569.7	4,569.7	4,569.7	Bank Negara Malaysia	
-	- Sektor Isurmanah	RM Juta	32,416.5	30,451.7	28,386.6	19,968.2	20,665.0	20,653.0	28,904.5	32,468.9	33,444.9	34,991.2	27,218.3	32,741.8	35,706.9	35,706.9	35,706.9	Bank Negara Malaysia	
-	- Sektor Lain	RM Juta	134,330.5	118,061.5	115,899.7	112,104.8	107,271.9	107,031.3	131,357.2	127,042.8	129,756.9	147,667.9	138,036.0	114,574.3	150,190.4	150,190.4	150,190.4	Bank Negara Malaysia	
-	- Jumlah	RM Juta	4,934.5	5,013.4	4,437.4	1,576.2	1,151.5	1,483.8	3,323.3	4,290.1	4,931.8	5,390.9	4,581.6	3,303.7	5,264.3	5,264.3	5,264.3	Bank Negara Malaysia	
XIII	Prijaman yang Dikeluarkan Mengikut Tujuan:																		
-	- Pengeluaran Kereja Perumpang	RM Juta	2,833.4	2,833.4	2,329.8	2,346.0	2,031.6	2,425.9	1,890.1	2,615.2	2,935.6	3,292.4	3,254.6	3,125.7	3,125.7	3,125.7	3,125.7	Bank Negara Malaysia	
-	- Kegunaan Persendirian	RM Juta	12,875.9	12,302.6	11,444.4	9,428.0	10,217.8	10,976.1	12,388.7	14,140.1	14,633.7	15,823.7	16,154.7	12,162.5	15,019.3	15,019.3	15,019.3	Bank Negara Malaysia	
-	- Kad Kredit	RM Juta	36.6	1.3	2.0	1.2	0.8	1.1	1.5	1.7	1.1	1.4	1.7	1.7	2.8	2.8	2.8	Bank Negara Malaysia	
-	- Pembelian Barang Pengguna	RM Juta	32,416.5	30,451.7	28,386.6	19,968.2	20,665.0	22,218.3	28,904.5	32,468.9	33,444.9	34,991.2	27,218.3	32,741.8	35,706.9	35,706.9	35,706.9	Bank Negara Malaysia	
XIV	Prijaman Terutang Sektor Pembinaan																		
XV	Prijaman Tak Bernaya/Prijaman Terjaja Mengikut Sektor																		
-	- Peranian Primer	RM Juta	1,365.8	1,357.5	1,368.0	1,351.0	1,360.3	1,349.3	1,121.3	1,111.5	1,129.6	1,116.1	1,122.7	1,028.0	Bank Negara Malaysia				
-	- Perombongan & Pengkuarian	RM Juta	144.2	142.8	248.4	237.0	275.5	171.1	128.1	124.2	1,503.9	1,585.6	1,585.6	1,475.5	1,475.5	1,475.5	1,475.5	Bank Negara Malaysia	
-	- Elektrik, Gas dan Bekalan Air	RM Juta	3,834.6	3,695.6	3,870.3	3,958.7	4,013.3	3,981.3	3,212.4	3,108.7	3,084.8	2,813.3	2,761.2	2,767.9	2,767.9	2,767.9	2,767.9	Bank Negara Malaysia	
-	- Perdagangan Barangan Runcit, Restoran dan Hotel	RM Juta	186.6	185.0	184.6	179.9	180.8	180.5	166.2	167.1	167.6	174.5	174.5	174.6	304.6	304.6	304.6	Bank Negara Malaysia	
-	- Pembiayaan	RM Juta	2,474.0	2,460.7	2,512.7	2,633.7	2,718.0	2,653.1	2,640.3	2,679.6	2,594.6	2,613.6	2,648.6	2,848.1	2,848.1	2,848.1	2,848.1	Bank Negara Malaysia	
-	- Pengangkutan, Peryimpinan dan Komunikasi	RM Juta	2,485.9	2,545.2	2,575.6	2,803.7	2,733.1	2,733.1	2,552.2	2,556.0	2,415.1	2,567.6	2,527.2	2,923.4	2,923.4	2,923.4	2,923.4	Bank Negara Malaysia	
-	- Aktiviti Kawangan, Insurans dan Perniagaan	RM Juta	3,237.3	2,222.8	2,215.4	2,190.0	2,172.3	2,103.4	2,077.0	2,024.7	2,012.4	1,968.5	1,968.5	1,871.4	1,871.4	1,871.4	1,871.4	Bank Negara Malaysia	
-	- Pendidikan, Keshatan dan Lain-lain	RM Juta	817.0	814.1	814.7	814.7	815.8	812.7	3,586.2	3,578.4	3,243.4	3,191.0	3,191.0	3,232.4	3,232.4	3,232.4	3,232.4	Bank Negara Malaysia	
-	- Sektor Isurmanah	RM Juta	12,195.2	11,920.6	12,260.2	12,162.0	12,888.6	12,945.7	802.5	825.6	743.3	743.3	711.7	713.0	731.8	731.8	731.8	Bank Negara Malaysia	
